



UNIVERSITI TEKNOLOGI MABA

TEKS UCAPAN SEMPERA ISTADAT ANNUKESYEA
UTTA KE II

DI DEWAN ABUNG TERANGU CANSALAR

**TITAH
TUANKU CANSELOR
SERI PADUKA BAGINDA
YANG DI-PERTUAN AGONG
ALMU'TASIMU BILLAHI
MUHIBBUDDIN TUANKU ALHAJ
ABDUL HALIM MU'ADZAM SHAH
IBNI ALMARHUM SULTAN
BADLISHAH
SEMPENA
SIDANG PERTAMA
ISTIADAT KONVOKESYEN
KE-81
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
PADA 22 NOVEMBER 2014**

Bismillahir Rahmannir Rahim ,

Assalamualaikum Warahmatullaahi

Wabarakaatuh dan salam sejahtera •

Alhamdulillah , Beta bersyukur

ke hadrat Allah Subhanahu

Wata'ala , kerana dapat Beta dan

Raja Permaisuri Agong sekali lagi

berangkat ke Universiti Teknologi

MARA bagi menyempurnakan

Istiadat Konvokesyen UiTM ke-81,
pada pagi ini •

2. Beta dan Raja Permaisuri

Agong mengucapkan tahniah kepada
para graduan , serta ibu bapa dan
kaum keluarga yang turut meraikan
kejayaan anak-anak mereka pada
hari ini •

3. Beta amat bersukacita untuk menganugerahkan ijazah dan diploma kepada graduan yang berjaya menamatkan pengajian masing-masing • Pada Konvokesyen kali ini , Beta dimaklumkan , seramai 31,532 graduan akan menerima ijazah dan diploma mereka •

4. Beta yakin dengan peningkatan jumlah graduan pada setiap sesi Istiadat Konvokesyen UiTM , nasib pendidikan anak bangsa terbela setanding dengan bangsa lain • Tahniah Beta ucapkan kepada UiTM kerana di sinilah darjat , martabat dan hak bangsa pribumi dibela •

5. Istiadat Konvokesyen

merupakan peristiwa istimewa

kepada setiap pelajar universiti •

Istiadat ini merupakan terjemahan

rasa penghormatan apabila segala

usaha dan pengorbanan kita

sepanjang menimba ilmu diberi

pengiktirafan • Beta mengucapkan

tahniah kepada semua graduan yang

akan bergraduasi pada Istiadat
Konvokesyen UiTM ke-81 •

Para hadirin sekalian ,

6. Sebagai Canselor , Beta amat
berbangga dengan pencapaian
UiTM • Beta difahamkan , pada
tahun ini UiTM telah tersenarai
di kedudukan 651 hingga 700 oleh

Badan Penilai Dunia QS Ranking International dan di kedudukan 601 hingga 650 oleh Times Higher Education World University Ranking •

7. Pengiktirafan ini telah menunjukkan bahawa lonjakan kejayaan UiTM dalam memastikan kembara agenda akademik UiTM

adalah setanding untuk bersaing dengan universiti terkemuka lain di dunia •

8. Beta percaya untuk merealisasikan martabat destini anak bangsa ke mercu jaya bukanlah perkara yang mudah • Tahniah Beta ucapkan kepada warga akademi kerana telah menjayakan

kelangsungan pendidikan anak
bangsa demi kelestarian hari esok •

9. Kepada para pentadbir
universiti , amanah tuan-tuan dan
puan-puan dalam menyediakan
perkhidmatan berkualiti amat Beta
sanjungi • Beta menyeru kepada
seluruh warga universiti , teruskan
usaha membawa UiTM sentiasa

menjadi yang terkehadapan dalam meniti arus pemodenan global pendidikan masa kini •

10. Tidak dapat dinafikan , dengan ribuan graduan yang dikeluarkan oleh UiTM setiap tahun , telah memberi impak yang besar kepada pembangunan dan ekonomi negara • Graduan yang

dikeluarkan oleh UiTM , bukan sahaja membawa nama universiti , bahkan membawa nama negara ke arena antarabangsa •

11. Beta yakin , UiTM mampu membina masa depan yang lebih gemilang • Dengan penghormatan yang telah diberikan kepada UiTM baru-baru ini , apabila menjadi

penganjur bersama dalam
Simposium Ekonomi Global (GES)
2014 , yang merupakan simposium
ekonomi utama di dunia •

13. Pengiktirafan yang diberikan
oleh Kerajaan Malaysia kepada
UiTM untuk berkolaborasi dengan
negara German telah mengiktiraf
kepakaran UiTM dalam

menganjurkan acara antarabangsa •

Ia memberi impak yang sangat

besar , bukan sahaja menaikkan imej

universiti , bahkan meletakkan

UiTM di peta dunia • Tahniah

UiTM •

14. Akhir titah , Beta berpesan

kepada sekalian hadirin ,

terutamanya para graduan , agar

berterima kasihlah kepada mereka yang telah banyak berkorban demi kejayaan kita • Manfaatkan ruang dan peluang yang telah diberikan agar dapat mencipta kejayaan pada masa hadapan • Beta menyeru kepada para graduan sekalian , persiapkan diri dengan kehebatan ilmu di dada , demi mendepani

realiti dunia luas yang pantas
berubah , Insya-Allah●

Sekian , Wabillahi Taufik

Walhidayah Wassalamualaikum

Warahmatullahi Wabarakaatuh ●

SEMBAH ALUAN

**YBHG TAN SRI DATO' SRI PROF. IR DR
SAHOL HAMID ABU BAKAR
NAIB CANSELOR, UiTM**

SEMPENA

ISTIADAT KONVOKESYEN UiTM KE 81

22 NOVEMBER 2014

SABTU

**AMPUN TUANKU,
(Tunduk hormat)**

Bismillahi-Rahmanir-Rahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Menghadap

Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong

Al-Mu'tasimu Billahi Muhibbuddin

Tuanku Alhaj Abdul Halim Mu'adzam Shah Ibni

Almarhum Sultan Badlishah

Menghadap

Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong

Tuanke Hajah Haminah

Ampun Tuanku beribu ampun

Sembah patik pohon diampun

(Tunduk hormat)

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT, atas limpahan rahmat dan kasih sayang-Nya jua, maka patik serta pacal-pacal seluruhnya, dikurnia kesihatan dan ruang, untuk berhimpun dalam dewan yang indah ini, bersempena dengan Istiadat Konvokesyen Universiti Teknologi MARA, kali yang ke-81, yang mula dizahirkan pada hari ini.

Lantaran patik merafak sembah, menjunjung kasih, atas limpah perkenan Seri Paduka Baginda Tuanku, berangkat bercemar duli, sempena istiadat gilang gemilang ini, bagi meraikan pacal-pacal graduan Universiti Teknologi MARA, yang menjadi kebanggaan bersama, dalam melestari agenda bangsa.

Sesungguhnya, keberangkatan Seri Paduka Baginda Tuanku, dan Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, amat bermakna buat patik - patik warga UiTM, khususnya, dan seluruh tetamu yang hadir, amnya.

Sememangnya, patik - patik sekalian, juga para graduan, dapat merasakan betapa suasana dalam dewan yang indah ini, bertambah serinya, berkat keberangkatan Seri Paduka Baginda Tuanku Canselor, bersama-sama Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong.

Bersemayam Tuanku di singgahsana,
Raja berdaulat payung negara;
Tuanku berangkat penyeri suasana,
Menjunjung kasih, patik semua.

Ampun Tuanku

Sayugia patik pohon limpah perkenan Seri Paduka Baginda Tuanku, untuk patik mengalu-alukan dif-dif jemputan, para hamba tua, serta graduan-pacal didik – pacal didik yang diraikan.

Ampun Tuanku

Yang Berbahagia

Tan Sri Dato' Sri Utama Dr Haji Arshad Ayub

Pro-Canselor, serta Puan Sri

Yang Berbahagia

Tan Sri Dato' Sri Sallehuddin Mohamed

Pro-Canselor

Yang Berbahagia

Tan Sri Nuraizah Abdul Hamid

Pro-Canselor

Yang Berbahagia

Tan Sri Dato' Dr Wan Mohd Zahid Mohd Noordin

Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti, serta

Puan Sri

Sidang 1

22 November 2014 (Sabtu, Pagi)

Barisan Naib Canselor, serta wakil-wakil universiti-
universiti tempatan dan luar negara

Barisan Pengurusan Tertinggi serta Pengurusan
Kanan Universiti Teknologi MARA

Profesor-profesor, para pensyarah serta warga
pentadbir Universiti Teknologi MARA

Para ibu bapa dan Dif-dif Jemputan

Para graduan yang dikasihi sekalian

Alhamdulillah, sekali lagi Dewan Agung Tuanku
Canselor ini, menjadi saksi pada acara bersejarah,

Sembah Aluan Naib Canselor

yang saban tahun dilalui oleh beribu-ribu graduan, dalam menjejaki kejayaan cemerlang, sebagai jaminan masa hadapan yang lebih cerah dan gemilang.

Lantaran itu, sewajarnya saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada para graduan, yang telah berjaya melepasi satu fasa dalam hidup, sebagai mahasiswa-mahasiswi gedung ilmu yang kita sayangi ini.

Tentu sekali para graduan sedia maklum, bahawa kejayaan yang digenggam pagi ini, tidak mungkin terlaksana tanpa usaha gigih daripada yang empunya diri, apatah lagi pengorbanan daripada

insan-insan yang dengan rela hati, berkorban untuk saudara-saudari melangkah di sini, demi segulung ijazah yang diimpi.

Walaupun pencarian ilmu seharusnya tidak terhenti di sini, namun semestinya saya merakamkan ucapan syabas dan tahniah juga, kepada ahli keluarga para graduan—ibu bapa, suami atau isteri, sanak-saudara, rakan dan taulan—kerana doa yang dititipkan tanpa jemu, di samping dorongan dan sokongan padu, pastinya telah menyumbang kepada kejayaan cemerlang para graduan, yang dirterjemahkan pada pagi ini.

Kejayaan saudara-saudari juga terhasil daripada kegigihan dan komitmen para pensyarah untuk melahirkan insan berilmu demi melestari kehebatan bangsa pribumi di tanah air tercinta ini.

Dalam suasana masa kini, yang menuntut segalanya dipandu laju—baik dalam hal mencari ilmu, memupuk sahsiah mahupun memantap prestasi para pelajar—para pensyarah memainkan peranan penting dalam mendepani tuntutan alaf baharu, agar graduan UiTM terus berdaya saing dan berdaya maju, di mana jua kembara mereka dalam meniti kehidupan.

Justeru itu, kepada para graduan, saya menaruh harapan agar saudara-saudari teguh berpegang pada falsafah di sebalik penubuhan UiTM sebagai wadah rekayasa sosial. Semoga apa yang bakal diceburi akan mendapat redha Ilahi.

Semoga saudara-saudari akan terpanggil untuk bertandang di kampus ini, sebagai alumni universiti tercinta; menabur bakti bukan sekadar di sini, bahkan kepada agama, juga ibu pertiwi.

Ampun Tuanku,

Demikianlah sembah alu-aluan patik pada pagi ini.

Patik menyusun sepuluh jari memohon ampun

sekiranya terdapat sebarang kelemahan sepanjang
istiadat berlangsung.

Patik serta warga UiTM seluruhnya sentiasa
mendoakan semoga Allah SWT melimpahi rahmah
dan barokah ke atas Seri Paduka Baginda Tuanku
dan Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong
serta seluruh kerabat Diraja sekalianya, lantaran
terpelihara daripada segala mara bahaya.

Raja berdaulat payung negara

Tempat berlindung rakyat jelata

Menjunjung kasih, patik semua

Sejahtera hendaknya Tuanku berdua

Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum
warahmatullahi wabarakatuh.

Menjunjung Kasih Tuanku

(Tunduk hormat)

UCAPAN
MUHAMMAD AZRIL IZUAN
BIN RAMLAN

ANUGERAH SERI PADUKA
BAGINDA TUANKU CANSELOR

SEMPENA ISTIADAT
KONVOKESYEN UiTM KE 81

22 NOVEMBER 2014

SABTU

**UCAPAN MUHAMMAD AZRIL IZUAN BIN RAMLAN
ANUGERAH SERI PADUKA BAGINDA TUANKU CANSELOR**

AMPUN TUANKU

(Tunduk Hormat)

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Menghadap Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Al-Mu'tasimu Billahi Muhibbuddin Tuanku Al-Haj Abdul Halim Mu'adzam Shah Ibni Almarhum Sultan Badlishah, menghadap Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Tuanku Hajah Haminah.

**UCAPAN MUHAMMAD AZRIL IZUAN BIN RAMLAN
ANUGERAH SERI PADUKA BAGINDA TUANKU CANSOLOR**

Ampun Tuanku beribu ampun; sembah patik pohon diampun

(Tunduk hormat)

Patik dengan penuh hormat takzim dan tawaduk merafakkan sembah menjunjung setinggi-tinggi kasih, atas limpah perkenan Seri Paduka Baginda Tuanku berdua sudi berangkat bercemar duli, ke Istiadat Konvokesyen UiTM ke-81 pada hari ini.

Ampun Tuanku,

Patik mohon limpah perkenan Seri Paduka Baginda Tuanku untuk patik menyampaikan sepatah dua kata kepada hadirin sekalian.

**UCAPAN MUHAMMAD AZRIL IZUAN BIN RAMLAN
ANUGERAH SERI PADUKA BAGINDA TUANKU CANSOLOR**

Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Sri Dr. Haji Arshad Ayub

Pro-Canselor dan Puan Sri

Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Sri Sallehuddin Mohamed

Pro-Canselor

Yang Berbahagia Tan Sri Nuraizah Abdul Hamid

Pro-Canselor

Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Dr Wan Mohd Zahid Mohd

Noordin

Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti dan Puan Sri

Ahli-ahli Pengurusan dan kakitangan UiTM; Ahli-Ahli Pengurusan

dan kakitangan UiTM; Para ibu bapa; tetamu-tetamu; dan rakan –

rakan graduan yang diraikan sekalian

UCAPAN MUHAMMAD AZRIL IZUAN BIN RAMLAN
ANUGERAH SERI PADUKA BAGINDA TUANKU CANSOLOR

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat dan kurnia-Nya, maka saya berdiri di sini pada pagi yang berbahagia ini, untuk menerima anugerah yang hebat ini. Saya amat bersyukur dan berbesar hati dengan penganugerahan ini dan ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada pihak UiTM kerana memberi kepercayaan kepada saya untuk menjadi penerima Anugerah Seri Paduka Baginda Tuanku Canselor. Sesungguhnya ini adalah antara nikmat terbesar bagi seorang graduan.

Hadirin yang dihormati,

Pertama sekali, terima kasih saya yang tidak terhingga kepada seorang wanita yang amat bermakna dalam hidup saya. Seorang

UCAPAN MUHAMMAD AZRIL IZUAN BIN RAMLAN
ANUGERAH SERI PADUKA BAGINDA TUANKU CANSELOR

wanita yang telah membesarkan saya dan adik-beradik dengan semangat yang teguh. Seorang wanita yang sentiasa mendahulukan segala keperluan demi melihat anak-anak selesa dan bahagia tanpa sebarang kekurangan, kerana baginya kebahagiaan anak-anak adalah paling penting dari segalanya. Saya berasa amat bertuah kerana menjadi anak kepada wanita gigih ini. Wanita yang saya maksudkan adalah ibu saya sendiri. Terima kasih Mama atas semua jasa dan pengorbanan mama selama ini. Berkat doa Mama, saya berada disini dan hanya Allah yang mampu membalas segala jasa Mama.

Pesanan buat diri ini dan juga rakan-rakan seperjuangan, kita hendaklah sentiasa menghormati orang tua kita dan jangan sesekali lupa pesanan mereka kerana di situlah terletaknya keberkatan. Keberkatan yang akan mengiringi perjalanan kita menuju kejayaan, kerana dalam meniti perjalanan menuju

**UCAPAN MUHAMMAD AZRIL IZUAN BIN RAMLAN
ANUGERAH SERI PADUKA BAGINDA TUANKU CANCELOR**

kejayaan, persekitaran sekeliling sudah pasti menjadi cabaran. Kuatkan semangat, lakukan sesuatu kerja hingga selesai dan paling penting adalah hormati pandangan orang lain.

Di kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada barisan pensyarah di Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media (FKPM), UiTM Alor Gajah, yang telah berkorban masa, tenaga, fikiran dalam mendidik, membimbing dan mencurahkan ilmu dunia dan akhirat kepada insan kerdil ini. Masih segar diingatan kata-kata mereka, perjuangan menuntut ilmu bukan mudah, akan tetapi tidak mustahil.

Saya sematkan impian, tekadkan azam dan berusaha, alhamdulillah saya diberi peluang berada di pentas yang gah pada hari ini. Bagi saya mereka adalah pengganti ibu, bapa, abang, kakak di waktu kita berjauhan dengan keluarga. Niat dan impiannya hanyalah satu, ingin melihat anak bangsanya untuk

terus melangkah ke hadapan sehingga mencapai kejayaan paling berprestij ini bagi seorang yang bergelar graduan UiTM.

Tidak lupa juga kepada rakan-rakan yang telah banyak membantu saya dalam pembelajaran mahupun kehidupan. Insyaallah saya akan sematkan dihati kata-kata kita dahulu, biarpun kita tinggi mengapai awan, rumput dibumi jangan dilupakan.

Akhir kata, saya ingin berpesan kepada adik-adik pelajar di luar sana bahawa kita janganlah mudah putus asa dalam setiap apa yang kita lakukan. Tentukan matlamat kita dan berusaha sepenuh hati untuk mencapainya. Usaha, doa dan tawakkal, Insya-Allah, kita akan berjaya. Terima kasih mama, terima kasih para pensyarah, terima kasih rakan, terima kasih UiTM. UiTM akan Sentiasa Di Hatiku.

UCAPAN MUHAMMAD AZRIL IZUAN BIN RAMLAN
ANUGERAH SERI PADUKA BAGINDA TUANKU CANSOLOR

Ampun Tuanku,

Demikian tadi sembah ucapan daripada patik. Patik sekali lagi menjunjung kasih atas keberangkatan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong ke Istiadat Konvokesyen pagi ini.

Sekian. Wabillahi taufik wal hidayah, Wassalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

(Tunduk hormat)

TEKS UCAPAN ALUAN

YBHG. TAN SRI DATO' SRI PROF. IR DR

SAHOL HAMID ABU BAKAR

NAIB CANCELOR UiTM

DI ISTIADAT KONVOKESYEN UiTM KE – 81

19 NOVEMBER 2013 (SELASA)

SIDANG SATU (SESI PETANG)

Bismillahi-Rahmanir-Rahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Yang Berbahagia

Tan Sri Dato' Sri Utama Dr Haji Arshad Ayub

Pro-Canselor, serta Puan Sri

Yang Berbahagia

Tan Sri Datuk Sri Panglima Dr Abdul Rahman Arshad

Pro-Canselor, serta Puan Sri

Yang Berbahagia

Tan Sri Dato' Sri Sallehuddin Mohamed

Pro-Canselor

Yang Berbahagia

Tan Sri Nuraizah Abdul Hamid

Pro-Canselor

Yang Berbahagia

Tan Sri Dato' Dr Wan Mohd Zahid Mohd Noordin
Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti, serta
Puan Sri

Barisan Naib Canselor, serta wakil-wakil universiti-
universiti tempatan dan luar negara

Barisan Pengurusan Tertinggi serta Pengurusan
Kanan Universiti Teknologi MARA

Profesor-profesor, para pensyarah serta warga
pentadbir Universiti Teknologi MARA

Para ibu bapa dan Dif-dif Jemputan

Para graduan yang dikasihi sekalian

Alhamdulillah, dengan izin dan rahmat Allah SWT, kita dipertemukan semula di dewan yang indah ini, untuk menyaksikan satu lagi acara bersejarah, khususnya, bagi para sarjana yang bergraduat pada Sidang 1, petang ini, yang kesemuanya berjumlah 111 orang.

Justeru itu, saya dengan bangganya merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada para graduan, Ijazah Sarjana dari Fakulti Pengurusan Hotel dan Pelancongan seramai 63 orang, dan juga para graduan dari Fakulti Undang-Undang, seramai 48 orang.

Syabas! kerana saudara-saudari telah melepasi setiap rintangan dan cabaran dengan jayanya, juga mendepani segala perit-getir dan ranjau duri, sepanjang tempoh menjejaki ilmu di UiTM.

Tentu sekali, pengalaman yang ditempuhi sebagai pelajar pasca-siswazah, tiada ternilai jika dibandingkan dengan pengalaman belajar di sekolah, atau di peringkat ijazah pertama.

Saya yakin, khazanah ilmu yang dikutip, dicerakin, lalu dihayati sebagai sebahagian proses pengayaan minda, jika diterjemahkan, pastinya mampu menjadi manfaat, bukan sahaja kepada yang empunya diri serta keluarga, bahkan untuk bangsa dan insan sejagat.

Hadirin yang dihormati sekalian

Sejarah telah membuktikan, bahawa kehebatan tamadun dunia—sama ada yang berkembang berkurun-kurun dahulu, ataupun yang wujud mutakhir ini—terletak pada kehebatan bangsanya, dalam mengilmukan budaya dan membudayakan ilmu.

Apa yang dunia warisi daripada peninggalan mereka sememangnya hebat dan unik. Umpamanya, hari ini, dunia masih mendapat manfaat daripada algebra dan angka sifar yang diilhamkan oleh Al-Khawarizmi.

Tamadun Mesir kuno juga tidak kurang hebatnya, dengan pelbagai ciptaan dan rekaan, hingga diiktiraf sebagai peradaban yang luar biasa dalam sejarah manusia. Piramid di Giza dan tulisan *hieroglyphics* hanya dua daripada senarai rekaan tamadun tersebut.

Sejarah juga mengiktiraf kehebatan tamadun China—dengan ciptaan kertasnya yang diperkemas oleh tamadun lain, dan dimanfaatkan hingga ke hari ini. Peninggalan Tamadun China juga dapat dilihat melalui Tembok Besar yang merentasi benua kecilnya.

Walaupun tanpa menara gading, tanpa teknologi canggih dan penyelidik tersohor, pencipta dan pereka yang mewarnai tamadun terdahulu, telah memainkan peranan dengan jayanya sebagai pencetus dan pemangkin.

Hadirin yang dihormati sekalian

Saya yakin bangsa peribumi di bumi Malaysia, juga mampu berinovasi dan berkarya, mencipta dan mereka, bukan sekadar untuk mengupayakan diri dan keluarga, bahkan untuk membina tamadun bangsa.

Inilah masanya untuk membuktikan bahawa saudara-saudari mampu mencetus gagasan dan memangkin wawasan, bagi membina tamadun bangsa yang jati dirinya hebat, akhlaknya mulia, jiwanya kental dan mindanya taraf dunia.

Saya percaya ada dalam kalangan para graduan yang mampu untuk menongkah arus bagi mengangkat peradaban Melayu dengan mengkaji keseluruhan *psyche* bangsa Melayu—daripada pemakanannya, hinggalah kepada kepintaran minda untuk menangkis hujah.

Saya yakin pengalaman bermukim di UiTM telah mendewasakan minda, dan mengupayakan saudara-saudari untuk terus ke hadapan. Namun, apa pun langkah yang diambil, apa pun jalan yang dipilih, eratkan silaturrahim, bersandarkan pada Al-Qur'an dan As-Sunnah.

Sesungguhnya, saudara-saudari insan terpilih sebagai anak bumi Malaysia, satu-satunya wilayah di dunia, milik bangsa kita. Tiada dua, tiada tiganya. Maka seharusnya, yang muda dan perkasa, menyambung warisan, demi membina tamadun bangsa.

Jangan sekadar merenung bintang di langit. Walau setinggi mana pun impian, tak mungkin dapat dicapai dek tangan. Sebaliknya, lihatlah pada diri, renunglah dalam hati, semat di sanubari; jadilah bintang yang terbilang, untuk dibuat sumber inspirasi; di campak ke laut menjadi pulau, ke darat pula, menjadi gunung buat didaki.

Jadikanlah diri ibarat kerlipan bintang, bersinar dalam kegelapan malam; siangmu pula, jadilah mentari, memberi makna pada yang hidup di bumi.

Hadirin yang dihormati sekalian

Tentu sekali para graduan sedia maklum, bahawa kejayaan yang digenggam petang ini, tidak mungkin terlaksana tanpa usaha gigih daripada yang empunya diri, apatah lagi pengorbanan daripada insan-insan yang dengan rela hati, berkorban untuk saudara-saudari melangkah di sini, demi segulung ijazah yang diimpi.

Semestinya saya merakamkan ucapan syabas dan tahniah juga, kepada ahli keluarga para graduan—ibu bapa, suami atau isteri, sanak-saudara, rakan dan taulan—kerana doa yang dititipkan tanpa jemu, di samping dorongan dan sokongan padu, pastinya telah menyumbang kepada kejayaan cemerlang para graduan, yang dirterjemahkan pada petang ini.

Kejayaan saudara-saudari juga terhasil daripada kegigihan dan komitmen para pensyarah untuk melahirkan insan berilmu demi melestari kehebatan bangsa peribumi di bumi bertuah ini.

Dalam suasana masa kini, yang menuntut segalanya dipandu laju—baik dalam hal mencari ilmu, memupuk sahsiah mahupun memantap prestasi para pelajar—para pensyarah memainkan peranan penting dalam mendepani tuntutan alaf baharu, agar graduan UiTM terus berdaya saing dan berdaya maju, di mana jua kembara mereka dalam meniti kehidupan.

Justeru itu, kepada para graduan, saya menaruh harapan agar saudara-saudari teguh berpegang pada falsafah di sebalik penubuhan UiTM sebagai wadah rekayasa sosial. Semoga apa yang bakal diceburi akan mendapat redha Ilahi.

Kepada para graduan yang dikasihi: Saya doakan semoga langkah seterusnya akan menemukan saudara-saudari dengan pengalaman yang lebih memantapkan iman, dan memperkukuh jati diri, sebagai anak peribumi, tanah air yang dikasihi.

Saya doakan semoga saudara-saudari, tidak akan pernah kenal erti putus asa, untuk melestari perjuangan yang bermula di sini. Gandakan usaha untuk memberi yang terbaik, bukan sahaja buat diri dan keluarga, bahkan demi agama, bangsa dan negara.

Enliven the philosophy of scholastic discovery. Be the ones who tread the untrodden path and explore beyond the horizons of knowledge. Be the ones who innovate and navigate. Inspire and be inspired by those who prevailed before you, through their journey of success.

Semoga saudara-saudari akan terbuka hati untuk bertandang di kampus ini nanti, sebagai alumni universiti tercinta; menabur bakti bukan sekadar di sini, bahkan kepada agama, juga ibu pertiwi.

Sekian,

Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

TEKS UCAPAN

YBHG. TAN SRI DATO' SERI UTAMA

ARSHAD AYUB

PRO-CANSELOR UiTM

DI MAJLIS KONVOKESYEN UiTM KE – 81

23 NOVEMBER 2014 (AHAD)

SIDANG KEDUA

UCAPAN

**YBHG. TAN SRI DATO' SERI ARSHAD AYUB
PRO-CANSELOR UiTM
DI MAJLIS KONVOKESYEN UiTM KE – 81
SIDANG KEDUA (PAGI)**

Bismillahirrahmanirrahim

Terima kasih saudara / saudari Pengacara Majlis

- YBhg. Tan Sri Dato' Sri Prof. Ir. Dr. Sahol Hamid
Abu Bakar
Naib Canselor
- Prof Dr Hajah Azni Zain Ahmed
Timbalan Naib Canselor
(Akademik & Antarabangsa)
- Prof. Dato' Dr. Abdullah Mohamad Said
Timbalan Naib Canselor
(Hal Ehwal Pelajar)
- Prof Ir Dr Haji Abdul Rahman Omar
Timbalan Naib Canselor
Penyelidikan dan Inovasi
- Prof Dr Hajah Norsaadah Hj Ismail
Timbalan Naib Canselor
Jaringan Industri, Masyarakat & Alumni
- Pn Azida Azmi
Pendaftar
- Tuan Haji Sanip Wahid
Bendahari

- Pegawai-Pegawai Utama Universiti
- Penolong-Penolong Naib Canselor
- Ketua-Ketua Bahagian
- Dekan-Dekan Fakulti
- Kakitangan Akademik dan Pentadbiran
- Para ibu bapa dan graduan yang dihormati **sekalian**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Syukur Alhamdulillah dengan izin Allah SWT, kita semua dapat berada di Dewan Agung Tuanku Canselor ini untuk bersama-sama menyaksikan suatu acara yang sungguh istimewa dan penuh bermakna iaitu sidang kedua Istiadat Konvokesyen UiTM ke-81.

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada semua graduan yang telah berjaya menamatkan pengajian dalam bidang masing-masing. Pada sidang kedua ini, UiTM sekali lagi melakar kejayaan dengan menyaksikan seramai 988 orang graduan menerima ijazah sarjana dalam bidang masing-masing.

Kepada hadirin yang dapat hadir meluangkan masa untuk sama-sama meraikan kejayaan para graduan di istiadat yang bersejarah ini, saya ucapkan “Selamat Datang” ke Dewan Agung Tuanku Canselor, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam.

Syabas dan tahniah juga kepada semua ibubapa dan kaum keluarga atas usaha, pengorbanan, sokongan dan dorongan yang diberikan kepada anak-anak ini sehingga berjaya melakar sejarah peribadi dalam hidup mereka.

Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada para graduan di dalam dewan ini kerana berjaya menamatkan pengajian di universiti ini dengan menerima ijazah tinggi masing-masing.

Sesungguhnya saudara-saudari yang berada dalam dewan ini pastinya tersenyum gembira, apabila berjaya keluar dengan ijazah sarjana yang membanggakan ibu dan ayah.

Saya percaya majlis yang gilang-gemilang ini merupakan titik permulaan bagi anda untuk menabur bakti dan berbudi kepada kedua ibu bapa, kaum keluarga, agama, bangsa dan juga Negara.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

UiTM telah melalui beberapa fasa perubahan dan pertukaran nama iaitu bermula dari Dewan Latehan RIDA, Maktab MARA, Institut Teknologi MARA dan akhirnya diiktiraf sebagai universiti, Universiti Teknologi MARA.

Namun, objektif dan matlamat penubuhannya masih kekal hingga ke hari ini iaitu untuk mempertingkatkan dan menentu-jamin keutuhan status sosioekonomi bumiputera demi memartabatkan bangsa. Atas dasar itulah, universiti ini berbeza jika dibandingkan dengan universiti-universiti yang lain.

Justeru, saya berpesan kepada semua, agar mempertahankan kedaulatan UiTM dengan kemantapan, kejayaan dan kecemerlangannya sebagai sebuah institusi pendidikan yang dapat melahirkan graduan berkualiti, demi memenuhi keperluan pembangunan sesebuah negara seperti Malaysia yang telah memasuki era globalisasi. Saudara-saudari harus ingat bahawa UiTM adalah lambang jati diri dan kemajuan bangsa kita.

Kejayaan saudara saudari pada hari ini secara tidak langsung juga telah membuktikan kejayaan perjuangan penubuhan UiTM yang menjadi pemangkin kepada pembangunan masyarakat.

Hadirin yang dimuliakan,

UiTM telah melakar sejarah mencipta pelbagai kejayaan demi kejayaan di peringkat nasional dan antarabangsa. Kredibiliti UiTM kini yang semakin dikenali dan disanjung tinggi telah memberi pelbagai pengiktirafan sama ada di dalam negara mahupun luar negara. Kecemerlangan inilah yang akan memberi nilai tambah dalam meletakkan *ranking* UiTM sentiasa diperbaiki menjadi yang lebih baik dari tahun ke tahun, demi mengangkat imej UiTM di persada dunia.

Saya percaya bukan mudah untuk mengendalikan universiti mega seperti UiTM ini, dengan kapasiti aset yang besar di seluruh pelosok negara. Namun, melalui kerjasama jitu dari seluruh warga UiTM dengan pimpinan Naib Canselor-Naib Canselornya sejak mula ditubuhkan, UiTM telah berjaya memfokuskan pencapaian akademik dalam sistem pendidikan dan pentadbiran ke arah globalisasi mengikut acuan sendiri.

Kini, di bawah pimpinan hebat YBhg. Tan Sri Dato' Sri Ir Dr Sahol Hamid Abu Bakar, saya bersyukur dan berbangga melihat taraf pendidikan anak bangsa khususnya bumiputera diangkat ke satu takuk yang lebih tinggi.

Peranan penting juga turut dimainkan oleh pimpinan tertinggi universiti, semua Ahli Lembaga Pengarah, Naib Canselor, Ahli-Ahli Senat, Pegawai-Pegawai Kanan Universiti dan semua warga UiTM dalam menggalas amanah dan tanggungjawab dengan cemerlang.

Tahniah saya ucapkan kepada seluruh warga UiTM kerana telah merealisasikan agenda kemajuan negara dengan mengilmukan bangsa. Tahniah UiTM...

Sebagai Pro-Canselor UiTM, saya menyarankan agar UiTM terus memainkan peranan dengan meningkatkan penyelidikan, pengumpulan dan pemeliharaan ilmu-ilmu pendidikan sains dan teknologi, sains sosial serta pengurusan dan perniagaan agar universiti bumiputera ini terus dirujuk pada masa-masa akan datang.

Para graduan yang diraikan,

Manfaatkan segala ilmu yang diperoleh dari universiti ini, sebagai benteng dalam mendepani dunia kerjaya yang luas terbentang di luar sana. Jadikan detik indah pada hari ini sebagai titik permulaan saudara-saudari melangkah kaki menuju ke alam realiti yang penuh dengan cabaran. Ingatlah seberapa jauh hutan diterokai, lautan direnangi, cabaran rintangan ditelusuri, semaikanlah disanubari bahawa **UiTM Sentiasa di Hatiku.**

Kepada para graduan, ingatlah jasa dan pengorbanan ibu bapa, kaum keluarga, para pensyarah dan pentadbir universiti yang telah banyak membantu saudara-saudari sehingga mencapai kejayaan yang cemerlang.

Setiap titisan keringat ilmu, usaha dan doa yang dicurahkan menjadi pengiring setia kepada kejayaan para graduan dan tidak mungkin terbalas dengan wang ringgit oleh para graduan pada hari ini.

Akhir kata, sekali lagi saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua graduan atas kejayaan yang dicapai pada hari ini. Teruskan usaha menimba ilmu dan jadilah contoh yang terbaik dalam apa jua bidang yang diceburi kerana saudara-saudari adalah penyambung legasi kecemerlangan bangsa.

Sekian. Wabillahi taufik wal hidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

UCAPAN

YBHG. TAN SRI DATO' SERI ARSHAD AYUB

TEKS UCAPAN

DI MAJLIS KONGRES BERSAMA MAJLIS KE - 81

SIDANG KETIGA (PETANG)

YBHG. TAN SRI DATO' SERI UTAMA

ARSHAD AYUB

**YBhg. Tan Sri Dato' Sri Prof. Ir. Dr. Saiful Hamid
Abu Bakar
Naib Canselor**

PRO-CANSELOR UiTM

**Timbalan Naib Canselor
(Akademik & Acajara)**

**Prof. Dato' Dr. Abu Haniffa Md Yusoff
DI MAJLIS KONVOKESYEN UiTM KE - 81**

(Majlis Enwal Pelajar)

Prof. Ir. Dr. Haji Abdul Rahman Omar

Timbalan Naib Canselor

Peny. 23 NOVEMBER 2014 (AHAD)

Prof. Dr. Haish Norsaadah H. Ismail

Timbalan Naib Canselor

Jenjangan Industri, Malaysia & Singapura

SIDANG KETIGA

Pn Azida Agam

Pandatar

Tuan Haji Saipul Wahid

Bendahara

UCAPAN

**YBHG. TAN SRI DATO' SERI ARSHAD AYUB
PRO-CANSELOR UiTM
DI MAJLIS KONVOKESYEN UiTM KE – 81
SIDANG KETIGA (PETANG)**

Bismillahirrahmanirrahim

Terima kasih saudara / saudari Pengacara Majlis

- YBhg. Tan Sri Dato' Sri Prof. Ir. Dr. Sahol Hamid
Abu Bakar
Naib Canselor
- Prof Dr Hajah Azni Zain Ahmed
Timbalan Naib Canselor
(Akademik & Antarabangsa)
- Prof. Dato' Dr. Abdullah Mohamad Said
Timbalan Naib Canselor
(Hal Ehwal Pelajar)
- Prof Ir Dr Haji Abdul Rahman Omar
Timbalan Naib Canselor
Penyelidikan dan Inovasi
- Prof Dr Hajah Norsaadah Hj Ismail
Timbalan Naib Canselor
Jaringan Industri, Masyarakat & Alumni
- Pn Azida Azmi
Pendaftar
- Tuan Haji Sanip Wahid
Bendahari

- Pegawai-Pegawai Utama Universiti
- Penolong-Penolong Naib Canselor
- Ketua-Ketua Bahagian
- Dekan-Dekan Fakulti
- Kakitangan Akademik dan Pentadbiran
- Para ibu bapa dan graduan yang dihormati sekalian

... yang telah berjaya menyempurnakan seramai
 ... dalam melaksanakan pengajian dan
 ... memperoleh ijazah atau Diploma
 ...

... jumlah keseluruhan 31 orang adalah
 ... 181 graduan dari Fakulti
 ... 163 graduan dari Fakulti Farmasi, dan 719
 ... dari Fakulti Sains Kesihatan.

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Ilahi, atas limpahan rahmat-Nya jua, maka dapat kita bersama-sama berkumpul di dewan yang indah ini, sempena menyempurnakan Istiadat Konvokesyen UiTM kali yang ke-81.

Pada sidang ke-3 ini, kita akan menyaksikan seramai 1,087 graduan yang telah menamatkan pengajian dan akan menerima penganugerahan Ijazah dan Diploma dalam bidang masing-masing.

Daripada jumlah tersebut seramai 31 orang adalah graduan dari Fakulti Pergigian, 181 graduan dari Fakulti Perubatan, 163 graduan dari Fakulti Farmasi, dan 712 orang graduan dari Fakulti Sains Kesihatan.

Tahniah dan syabas saya ucapkan kepada para graduan, ibu bapa juga barisan para pensyarah, yang berada di dalam dewan ini, atas berkat usaha gigih, kesungguhan dan ketekunan mengharungi sebuah perjuangan yang akan menjadi penentu masa hadapan.

Hadirin warga dewan yang dikasihi sekalian,

Sebagai sebuah insitusi yang berperanan untuk memartabatkan agenda nasional, UiTM telah mengatur pelbagai strategi dalam meningkatkan pengetahuan dan kemahiran bumiputera. Ini adalah bertujuan untuk melahirkan bumiputera profesional dalam semua bidang termasuk penjagaan kesihatan demi pembangunan bangsa, agama dan negara.

Graduan pada Sidang ke-3 ini bakal mengisi jawatan sebagai tenaga kerja dalam kumpulan profesional kesihatan, untuk memberi perkhidmatan yang lebih berkesan lagi efisien.

Fakulti Pergigian mempunyai objektifnya yang tersendiri, untuk melahirkan lebih ramai tenaga pakar pergigian dalam kalangan bumiputera, selain memenuhi keperluan guna tenaga dalam negara. Bermula dengan kumpulan pelajar sulungnya seramai 30 orang, sehingga kini, Fakulti Pergigian UiTM telah berjaya melahirkan seramai 144 orang Doktor Pergigian yang telah pun menyalurkan khidmat mereka di seluruh pelusuk tanah air.

Pelbagai kemudahan telah pun disediakan bagi memberikan komitmen yang sepenuhnya dalam memastikan penyampaian pembelajaran dapat dilaksanakan dengan berkualiti dan berkesan.

Perancangan akademiknya diatur dengan baik bagi memastikan proses pembelajaran dan latihan klinikal berada pada tahap yang maksima. Pelbagai kejayaan telah dicapai oleh para pelajarnya yang turut mengharumkan nama UiTM di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Mereka telah berjaya dinobatkan sebagai pemenang pertama dalam pertandingan Asean Regional CeramX Case Contest, Hong Kong, Global CeramX Contest di Dubrovnik, Croatia dan di International Students' Dental Conference, Dubai.

Para hadirin sekalian,

Pada sidang kali ini, Fakulti Perubatan telah melahirkan seramai 181 orang graduan yang telah menamatkan pengajian dengan jayanya. Daripada jumlah 181 orang graduan, empat orang graduan telah menerima sijil **Sains Perubatan Lanjutan** (Advanced Medical Sciences). Mereka adalah kumpulan pertama sejak kursus Sains perubatan lanjutan diperkenalkan oleh Fakulti.

Dalam usia 11 tahun sejak penubuhannya, Fakulti Perubatan berjaya mengeluarkan seramai 802 orang graduan. Kejayaan ini membuktikan bahawa sistem pengajaran dan pembelajaran di Fakulti Perubatan berjaya menghasilkan graduan cemerlang dan seimbang

dari segi keilmuan, keterampilan dan kemahiran insaniah. Ini selaras dengan kehendak falsafah Kurikulum Fakulti Perubatan iaitu “Solid Scientific Foundation Imbued with Strong Humanistic Values”.

Seterusnya, Sidang penganugerahan Diploma dan Ijazah Sarjana bagi Fakulti Farmasi menyenaraikan seramai 163 graduan. Atas kesedaran untuk membangunkan modal insan kelas pertama, Fakulti Farmasi telah menjalinkan kerjasama dengan pihak industri di dalam dan di luar negara. Jalinan kolaborasi ini adalah bertujuan untuk memberi ruang dan peluang kepada para pelajar menimba pengalaman dan menceburi bidang-bidang keusahawanan bagi mewujudkan rangkaian peluang pekerjaan kepada lepasan UiTM. “We create employers”.

Hubungan erat UiTM dengan universiti-universiti utama dunia juga memainkan peranan yang penting untuk membentuk graduan yang mampu bersaing di pentas dunia.

Di samping itu, para pensyarah juga sentiasa berusaha dalam memperkasakan diri, dengan pengetahuan terkini (Continuous Professional Development) dan kolaborasi bersama penyelidik keterampilan dengan membentangkan kertas kerja di luar negara dan menghasilkan penyelidikan bertaraf dunia.

Pada awal tahun ini, Fakulti Farmasi telah menjadi perintis untuk 1st National Conference on Pharmacy Practice di Malaysia yang merupakan salah satu bidang utama dalam

farmasi. Persidangan ini bukan sahaja memberi manfaat kepada para pelajar tetapi juga para profesional dalam Sains Kesihatan di Malaysia. International Conference on Nutraceutical and Cosmetic Sciences (ICNACS) juga telah menemukan tiga buah universiti di Asia iaitu UiTM, Universitas Indonesia dan Josai University, Jepun sebagai penganjur bersama konferensi ini.

Hadirin warga dewan sekalian,

Pencapaian Fakulti Sains Kesihatan amat memberangsangkan sejak ia ditubuh 10 tahun yang lalu. Dalam era peningkatan industri perkhidmatan masa kini, pengeluaran tenaga kerja dalam bidang sains kesihatan tidak dapat memenuhi permintaan.

Justeru itu, bagi memastikan graduan yang dikeluarkan memenuhi kehendak pelanggan, Fakulti Sains Kesihatan telah bekerja rapat dengan pihak industri dengan mengadakan hubungan melalui beberapa MoU dengan agensi kerajaan dan juga swasta, di dalam dan luar negara.

Di peringkat antarabangsa, fakulti ini telah memperoleh pengiktirafan bagi tiga bidang sains kesihatan iaitu Chartered Institute of Environmental Health – United Kingdom bagi program Muda Kesihatan dan Keselamatan Persekitaran, Royal Society of Radiographers – United Kingdom bagi program Sarjana Muda Pengimejan Perubatan dan World Federation of Occupational

Therapist bagi program Sarjana Muda Pemulihan Carakerja.

Para graduan yang diraikan sekalian,

Bagi memastikan sasaran dalam kecemerlangan akademik juga sahsiah diri dapat dicapai, demi merealisasikan transformasi nasional, saudara-saudari harus mempunyai integriti dan jati diri, kebolehan berfikiran secara analitikal dan kebolehan berkomunikasi dengan baik.

Untuk bergerak maju di persada antarabangsa, saudara-saudari perlu membentuk diri supaya menjadi graduan yang serba boleh (adaptable).

Oleh kerana itu, semua kursus yang ditawarkan di UiTM sentiasa menitikberatkan bukan sahaja akademiknya tetapi pembelajaran sepanjang hayat yang melibatkan kemahiran kepimpinan, keusahawanan, jati diri dan berketerampilan. Justeru itu saudara-saudari diharap telah menerima manfaat, demi mempersiapkan diri berhadapan dengan cabaran dunia pekerjaan akan datang.

Dengan tahap dedikasi tenaga akademik dan pentadbiran fakulti khasnya dan UiTM, amnya, saudara-saudari telah berkembang menjadi insan yang berjaya. Namun, pengorbanan wang ringgit dan tenaga ibu bapa yang sentiasa mendoakan kejayaan saudara-saudari jangan sesaat pun dilupakan. Jadilah anak bangsa yang sentiasa mengenang budi, bertanggungjawab, dan beriltizam.

Jagalah nama baik ibu bapa dan UiTM walaupun saudara-saudari telah meninggalkan UiTM dan berjaya di luar sana.

Sekali lagi, saya mengucapkan setinggi-tinggi syabas dan tahniah atas kejayaan saudara-saudari semua. Segulung ijazah pada hari ini adalah manifestasi kejayaan saudara-saudari, ibu bapa, para pensyarah dan universiti amanah bangsa ini. Saya berdoa semoga saudara-saudari semua akan terus cemerlang dan berjaya dalam segala lapangan yang diceburi.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

UCAPAN

YBHG TAN SRI NURAIZAH ABDUL HAMID

PRO-CANSELOR UiTM

DI ISTIADAT KONVOKESYEN UiTM KE – 81

TEKS UCAPAN

SIDANG KEEMPAT (BAQI)

YBHG TAN SRI NURAIZAH ABDUL HAMID

PRO-CANSELOR UiTM

DI ISTIADAT KONVOKESYEN UiTM KE – 81

24 NOVEMBER 2013 (ISNIN)

SIDANG KEEMPAT

UCAPAN
YBHG TAN SRI NURAIZAH ABDUL HAMID
PRO-CANSELOR UiTM
DI ISTIADAT KONVOKESYEN UiTM KE – 81
SIDANG KEEMPAT (PAGI)

Bismillahirrahmanirrahim

Terima kasih saudara / saudari Pengacara Majlis

- Yang Berbahagia Tan Sri Naib Canselor
- Timbalan-Timbalan Naib Canselor
- Pegawai-Pegawai Utama Universiti
- Penolong-Penolong Naib Canselor
- Ketua-Ketua Bahagian
- Dekan-Dekan Fakulti
- Kakitangan Akademik dan Pentadbiran
- Para ibu bapa dan graduan yang dihormati sekalian

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Ilahi kerana diberi peluang bersama-sama berkumpul di Dewan Agung Tuanku Canselor bagi menyempurnakan Sidang Ke-4 dalam Istiadat Konvokesyen UiTM ke-81. Istiadat Konvokesyen pada kali ini secara keseluruhannya akan melibatkan penganugerahan Ijazah serta diploma kepada seramai 1,002 orang graduan dari Fakulti Pengurusan dan Perniagaan.

Saya mengambil peluang ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada para graduan sekalian. Hari ini adalah hari yang sangat bermakna bukan sahaja kepada para graduan, malah kepada kita semua. Kepada ibu bapa, saya percaya kejayaan anak-anak kita ini adalah saat-saat yang kita tunggu sekian lama.

Saya yakin bahawa kejayaan yang dicapai oleh para graduan adalah juga merupakan sumbangan serta pengorbanan yang dicurahkan oleh ibu bapa serta para pensyarah pada setiap masa.

Hadirin sekalian,

Fakulti Pengurusan dan Perniagaan merupakan fakulti tertua dan terbesar di UiTM. FPP telah berkembang pesat seiring dengan sejarah penubuhan UiTM, sejak 58 tahun yang lepas.

FPP juga merupakan pelopor kepada kursus profesional yang gah berkembang sehingga kini, dan diikuti oleh fakulti-fakulti lain di UiTM.

Sehingga September 2014, FPP mempunyai enrolmen seramai 35,735 pelajar sepenuh dan separuh masa di kampus induk dan kampus-kampus cawangan di seluruh negara.

Agenda akademik fakulti dimantapkan dengan semakan semula semua program yang ditawarkan setiap tiga tahun sekali. Tujuannya adalah untuk menjaga kualiti, agar ia terus relevan seiring dengan perkembangan industri semasa di Malaysia dan global.

UiTM melihat jauh ke hadapan. Banyak strategi serta tindakan yang direncana menjurus kepada menyediakan generasi graduan bangsa yang berketerampilan dan

berkualiti tinggi. Kita berhasrat untuk melahirkan generasi graduan intelektual yang bakal menjadi eksekutif bumiputera profesional untuk pembangunan bangsa, agama dan negara.

Saya faham dan sedar, sebagai sebuah universiti yang menjadi sandaran bangsa, graduan UiTM sebenarnya perlu diasuh dan dilatih untuk menjadi cekap, berhemah, berwawasan, kreatif, profesional, dan cekal dalam membangunkan industri pekerjaan.

Dengan lambakan graduan di pasaran dari IPTA dan IPTS yang tumbuh bagai cendawan di negara ini, hanya graduan yang menonjol akan menjadi pilihan utama majikan dan industri.

Justeru, serlahkanlah kebolehan dan potensi anda demi kelangsungan masa hadapan yang lebih cemerlang.

Saya juga amat menggalakkan graduan UiTM untuk menjadi lebih “enterprising” dan berusaha menjadi majikan sendiri. Saya percaya graduan UiTM mempunyai kemampuan yang mantap dan berupaya memberikan prestasi yang membanggakan.

Para graduan yang dikasihi sekalian,

Mulai hari ini saudara-saudari akan melebarkan sayap memulakan langkah dalam arena kerjaya sebenar. Teruskan usaha dalam menimba ilmu walaupun saudara-saudari telah keluar dari UiTM ini.

Jangan mudah berputus asa dan menyerah kalah kerana realiti di luar sentiasa terbentang dengan cabaran yang di luar jangkaan.

Kejayaan tidak datang bergolek. Ianya hasil daripada daya usaha yang gigih dan keyakinan yang tinggi untuk berjaya. Saya sendiri telah melihat betapa universiti ini telah maju setapak demi setapak dengan mengukir nama baik di peringkat negara mahupun di persada antarabangsa.

Saya amat berharap semoga para graduan peka dengan cabaran mendatang dan sentiasa tekadkan azam berusaha keras, berwawasan untuk menjadi individu yang terbaik, mengenang budi, bersyukur, berterima kasih, dan sentiasa menyimpan niat untuk membalas budi serta

pengorbanan mereka yang telah banyak berjasa kepada anda semua.

Jutaan terima kasih kepada semua tenaga pengajar, pihak pengurusan dan staf sokongan universiti kerana istiadat ini tidak akan berjaya tanpa usaha dan komitmen mereka.

Kejayaan para graduan pada hari ini merupakan manifestasi kejayaan dan pengorbanan dalam mendidik pewaris bangsa yang akan menerajui pembangunan Negara kelak. Pelajar yang berkualiti lahir dari universiti yang berkualiti.

Saya berdoa agar warga UiTM, khasnya barisan tenaga pengajar akademik, akan terus berusaha meningkatkan prestasi dan kualiti pelajar demi memperkasa UiTM sebagai sebuah Universiti yang tersohor.

Jadilah warga negara yang berperanan memacu kejayaan demi melestari pendidikan tertiar yang berkualiti dan dinamis. Sesungguhnya perjalanan yang saudara-saudari tempuhi selama ini merupakan titik permulaan bagi sebuah kehidupan yang lebih sempurna.

Sekali lagi saya mengucapkan tahniah kepada semua penerima ijazah dan diploma pada Istiadat Konvokesyen ke-81 ini dan berdoa semoga saudara-saudari semua akan berjaya dalam apa jua bidang yang diceburi. Saya akhiri ucapan dengan dua rangkap pantun :

Naik pentas menerima ijazah

Menara gading impian semua

Penat lelah terbalas sudah

Budi disemai bercambah jua

Dewan agong tersergam indah

Hadirin yang datang tersenyum ria

Graduan UiTM bergraduasi sudah

Bulatkan tekad taburkan jasa.

Sekian. Wabillahi taufik wakhidayah, wassalamualaikum

warahmatullahi wabarakatuh.

UCAPAN

YBHG TAN SRI NURAIZAH ABDUL HAMID

PRO-CANSELOR UiTM

DI ISTIADAT KONVOKESYEN UiTM KE – 81

TEKS UCAPAN

SIDANG KELIMA (PETANG)

YBHG TAN SRI NURAIZAH ABDUL HAMID

Bismillahिरانمادياهُن

PRO-CANSELOR UiTM

Terima-Kasih, Salam dan Persembahkan Persembahan Majlis

DI ISTIADAT KONVOKESYEN UiTM KE – 81

• Timb
24 NOVEMBER 2013 (ISNIN)

• Pegawai-Pegawai Utama Universiti

• Panchang-Panchang Naib-Canselor

SIDANG KELIMA

• Ketua-Ketua

• Dekan-Dekan Fakulti

• Kakitangan Akademik dan Penyelidikan

• Para ibu bapa dan mahasiswa yang hadir dalam majlis

UCAPAN

YBHG TAN SRI NURAIZAH ABDUL HAMID

PRO-CANSELOR UiTM

DI ISTIADAT KONVOKESYEN UiTM KE – 81

SIDANG KELIMA (PETANG)

Bismillahirrahmanirrahim

Terima kasih saudara / saudari Pengacara Majlis

- Yang Berbahagia Tan Sri Naib Canselor
- Timbalan-Timbalan Naib Canselor
- Pegawai-Pegawai Utama Universiti
- Penolong-Penolong Naib Canselor
- Ketua-Ketua Bahagian
- Dekan-Dekan Fakulti
- Kakitangan Akademik dan Pentadbiran
- Para ibu bapa dan graduan yang dihormati sekalian

Alhamdulillah, pertama sekali marilah kita panjatkan rasa kesyukuran kita kehadiran Ilahi kerana diberi peluang dan ruang bersama-sama berkumpul di Dewan Agung Tuanku Canselor, bagi menyempurnakan Istiadat Konvokesyen UiTM ke-81.

Istiadat Konvokesyen bagi sidang ke-5 ini akan menyaksikan penganugerahan Ijazah Sarjana Muda kepada seramai 1,196 graduan dari Fakulti Pengurusan dan Perniagaan (FPP).

Tahniah dan syabas saya ucapkan kepada para graduan yang berada di dalam dewan ini, atas berkat usaha gigih, kesungguhan dan ketekunan mengharungi sebuah perjuangan yang akan menjadi penentu masa hadapan.

Kepada ibu bapa, saya percaya dan yakin kejayaan anak-anak kita melangkah keluar dari dewan ini, dengan gulungan ijazah di tangan, merupakan saat-saat indah yang kita tunggu sekian lama.

Saya juga yakin bahawa sumbangan dan pengorbanan ibu bapa, kaum keluarga dan barisan para pensyarah menjadi pendorong dan pengiring kepada kejayaan saudara-saudari sehingga ke tahap ini.

Hadirin yang dihormati sekalian,

Fakulti Pengurusan dan Perniagaan merupakan fakulti tertua dan terbesar di UiTM. FPP telah berkembang pesat seiring dengan sejarah penubuhan UiTM, sejak 58 tahun yang lepas.

Malah, fakulti ini bermula dengan menawarkan kursus "Chamber of Commerce" yang diuruskan bersama oleh 'Institute of British Management', United Kingdom, pada tahun 1956, iaitu tahun UiTM mula ditubuhkan atas nama RIDA.

Sememangnya tidak dapat dinafikan UiTM adalah universiti pertama di Malaysia yang menjalankan kursus separa profesional dengan negara Barat. Dengan perkataan lain, FPP adalah pelopor kepada kursus profesional yang gah berkembang sehingga kini, dan diikuti oleh fakulti-fakulti lain di UiTM.

Sehingga September 2014, FPP mempunyai enrolmen seramai 35,735 pelajar sepenuh dan separuh masa di kampus induk dan kampus-kampus cawangan di seluruh negara.

Agenda akademik fakulti dimantapkan dengan menyemak semula semua program yang ditawarkan setiap tiga tahun sekali. Tujuannya adalah untuk menjaga kualiti, agar ia terus relevan dengan perkembangan industri semasa di Malaysia dan global.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dikasihi,

UiTM terus melihat jauh dan mengorak langkah ke hadapan melalui misi dan visinya. Banyak strategi serta pelan tindakan yang diatur menjurus kepada menyediakan

generasi graduan bumiputera profesional yang berketerampilan dan berkualiti tinggi demi agama, bangsa dan negara.

Justeru, kualiti inilah yang sentiasa ditunjukkan oleh lulusan Fakulti Pengurusan dan Perniagaan yang kita raikan pada sidang ke-5 ini.

Saya pasti pihak fakulti juga universiti khususnya, mengharapkan para graduan yang dilahirkan akan memenuhi kerusi sebagai pegawai, pengurus atau pemimpin, yang bertanggungjawab mempertahankan integriti dan akauntabiliti dalam sesebuah agensi kerajaan atau organisasi swasta.

Malahan, saya gembira apabila semakin ramai graduan UiTM menjadi pemimpin korporat dan menjadi usahawan yang berjaya pada usia yang masih muda.

Sejak diasaskan seawal tahun 1956, UiTM sedar bahawa memandu dan memacu pembaharuan bangsa memerlukan pendekatan yang rasional dan berhemah. Justeru, mengangkat martabat bangsa dengan meningkatkan kemajuan dan pencapaian dari segi pembangunan akademik generasinya adalah menjadi nadi universiti ini.

Kata pepatah, kejayaan tidak datang bergolek. Saya sendiri telah melihat betapa UiTM terus bergerak maju setapak demi setapak dengan usaha mengukir nama di peringkat nasional mahupun di persada antarabangsa.

Ternyata, apa yang telah dilaksanakan oleh UiTM setakat ini melebihi daripada apa yang dijangkakan sebelum ini. Saya sedar bahawa kita memikul tanggungjawab yang besar dalam memberi kehidupan yang terbaik kepada anak-anak kita.

Sehubungan ini, saya berdoa agar warga UiTM, khususnya barisan tenaga pengajar akademik, agar terus berusaha meningkatkan prestasi dan kualiti pelajar demi memperkasa UiTM sebagai sebuah universiti yang tersohor.

Hadirin hadirat yang dihormati,

UiTM mempunyai kelebihan dalam menghasilkan para graduan yang profesional mengikut acuannya yang

tersendiri. Kelebihan inilah yang berjaya memberi peluang pekerjaan kepada para graduan UiTM, apabila pihak industri memberi pengiktirafan dan mengakui para graduan UiTM mempunyai kemahiran dalam pelbagai bentuk termasuk kemahiran 'multi-tasking'.

Dikesempatan ini, saya ingin berpesan kepada para graduan sekalian, agar lebih proaktif untuk terus berusaha membuktikan bahawa bangsa kita boleh mencapai kejayaan yang lebih cemerlang dalam kerjaya masing-masing.

Kepada saudara-saudari yang ingin berbakti kepada universiti tercinta ini, mulakanlah dengan menyumbang sekurang-kurangnya RM10.00 ke Tabung Sumbangan Alumni yang disediakan di luar dewan.

Melalui sumbangan alumni, diharap dana yang terkumpul akan terus bertambah dan akan membolehkan lebih ramai siswa-siswi UiTM dapat terus belajar tanpa masalah kewangan, sekali gus kita dapat mengurangkan kebergantungan kepada bajet kerajaan.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

UCAPAN

YBHG. TAN SRI DATO' SERI ARSHAD AYUB

TEKS UCAPAN

DI MAJLIS KONVOKESYEN UiTM KE - 81
SIDANG KEENAM (PAGI)

YBHG. TAN SRI DATO' SERI UTAMA

SAKSI KASIH SAUDARA / SAUDARI PANGACARA MAJLIS

ARSHAD AYUB

YBhg. Tan Sri Dato' Sri Prof. Ir. Dr. Saiful Hamid

Abu Bakar

Naib Canselor

Prof. Dr. **PRO-CANSELOR UiTM**

Timbalan Naib Canselor

Akademik & Antarabangsa

Prof. Dato' Dr. Arturina Yusoff

DI MAJLIS KONVOKESYEN UiTM KE - 81

Prof. Dato' Dr. Yusoff

Prof. Ir. Dato' Abdul Rahman Omar

Timbalan Naib Canselor

25 NOVEMBER 2014 (SELASA)

Prof. Dr. Hajah Norlida Yusoff

Timbalan Naib Canselor

Jonggan Indragiri

SIDANG KEENAM

Pn. Azira Azim

Pangkal

Tuan Haji Saip Wahid

Pendatar

UCAPAN

**YBHG. TAN SRI DATO' SERI ARSHAD AYUB
PRO-CANSELOR UiTM
DI MAJLIS KONVOKESYEN UiTM KE – 81
SIDANG KEENAM (PAGI)**

Bismillahirrahmanirrahim

Terima kasih saudara / saudari Pengacara Majlis

- YBhg. Tan Sri Dato' Sri Prof. Ir. Dr. Sahol Hamid
Abu Bakar
Naib Canselor
- Prof Dr Hajah Azni Zain Ahmed
Timbalan Naib Canselor
(Akademik & Antarabangsa)
- Prof. Dato' Dr. Abdullah Mohamad Said
Timbalan Naib Canselor
(Hal Ehwal Pelajar)
- Prof Ir Dr Haji Abdul Rahman Omar
Timbalan Naib Canselor
Penyelidikan dan Inovasi
- Prof Dr Hajah Norsaadah Hj Ismail
Timbalan Naib Canselor
Jaringan Industri, Masyarakat & Alumni
- Pn Azida Azmi
Pendaftar
- Tuan Haji Sanip Wahid
Bendahari

- Pegawai-Pegawai Utama Universiti
- Penolong-Penolong Naib Canselor
- Ketua-Ketua Bahagian
- Dekan-Dekan Fakulti
- Kakitangan Akademik dan Pentadbiran
- Para ibu bapa dan graduan yang dihormati sekalian

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, kita dapat bersama-sama meraikan Istiadat Konvokesyen Universiti Teknologi MARA kali ke-81 pada pagi ini.

Istiadat Konvokesyen UiTM ke-81 bagi sidang ke-6 pada pagi ini menyaksikan seramai 1,078 orang graduan dari Fakulti Pengurusan Perniagaan akan menerima Diploma masing-masing.

Tahniah dan syabas saya ucapkan kepada para graduan, kerana usaha dan komitmen saudara-saudari membolehkan saudara-saudari akhirnya berjaya menamatkan pengajian dan menerima Diploma pada hari yang bersejarah ini.

Hadirin waga dewan sekalian,

Dikesempatan ini, saya juga ingin mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada para ibu bapa yang hadir bersama-sama pada hari ini. Saya percaya kejayaan saudara-saudari semua tentunya diiringi dengan doa dan sokongan daripada mereka sepanjang pengajian di universiti ini.

Tidak dilupakan juga, jutaan terima kasih kepada para pensyarah, barisan pentadbir universiti dan staf sokongan yang telah banyak memberi sumbangan dan perkhidmatan tanpa jemu bagi memastikan saudara-saudari dipersiapkan dengan pelbagai kemahiran.

Kemahiran teknologi maklumat, kepimpinan, komunikasi berbahasa, pembelajaran berterusan serta pemikiran kritis dan kreatif sentiasa difokuskan sepanjang melanjutkan pengajian di UiTM, seperti mana yang diinginkan oleh majikan dan pihak berkepentingan.

Elemen integriti seperti sahsiah, profesionalisme dan kepimpinan juga sentiasa diberi penekanan sepanjang pengajian saudara-saudari di UiTM. Dengan memiliki sahsiah yang unggul, saudara-saudari pastinya akan mempunyai tekad untuk bekerja keras dan ikhlas. Yakin dan percayalah bahawa setiap perbuatan yang baik pasti akan dibalas dengan kebaikan.

Hadirin yang dihormati sekalian,

Fakulti Pengurusan Perniagaan telah dibina dan diterajui oleh mereka yang diberi tanggungjawab mentadbir melalui lunas-lunas yang berasaskan pengajaran, kerjasama persefahaman dengan organisasi dalam dan luar negara. Kemantapan kurikulum dan kursus dalam program-program perniagaan yang bersesuaian dengan arus zaman, menjadikan fakulti ini pilihan kepada ramai pelajar.

Hasilnya, kita berjaya mengeluarkan graduan yang menjadi pemimpin-pemimpin perniagaan di setiap industri di dalam dan di luar negara, serta usahawan dan tokoh korporat yang telah berbakti kepada negara dengan baik.

UiTM boleh berbangga dengan faktor ini sebagai rangka garis pencapaian para graduannya. Fakulti sentiasa menekankan nilai kepimpinan yang tinggi, untuk mahir dalam menyediakan dasar, prosedur dan peraturan yang jelas serta telus bagi menutup ruang untuk sebarang penyelewengan dan salah laku. Ianya dapat memastikan integriti menjadi satu budaya dalam kehidupan kita terutamanya dalam negara yang kita cintai ini.

Dengan kemahiran dan nilai integriti yang dimiliki, para graduan juga mampu menceburi bidang keusahawanan yang semakin berkembang di Malaysia hasil daripada sokongan pelbagai pihak yang tertentu dari segi bantuan kewangan dan khidmat nasihat.

Usaha ini disokong oleh badan-badan professional seperti Majlis Amanah Rakyat (MARA) yang telah menyediakan modal yang besar untuk membantu para usahawan, terutamanya usahawan Bumiputera agar berdaya saing dan maju untuk mencapai potensi antarabangsa.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Era dunia sekarang yang semakin global dan mencabar, menuntut saudara-saudari supaya lebih berdikari dan berdaya kreatif dengan menceburi bidang keusahawanan ini. Lebih-lebih lagi dalam keadaan pasaran kerjaya yang semakin tidak menentu dan terhad. Justeru, ilmu dan kepakaran yang tinggi akan dapat menjamin keberadaan saudara-saudari di pelbagai sektor pekerjaan.

Kepada para graduan sekalian, saya menaruh harapan agar saudara-saudari semua akan tegar menjaga nama baik universiti apabila melangkah ke fasa seterusnya. Timbalah ilmu sehingga ke peringkat yang tertinggi iaitu Doktor Falsafah, selaras dengan agenda pembangunan negara bagi menjayakan transformasi ke arah negara berpendapatan tinggi.

Kepada Fakulti Pengurusan Perniagaan, saya berharap agar fakulti dapat mempamerkan dirinya sebagai fakulti yang menawarkan program-program perniagaan dan keusahawanan yang terbaik, setanding dengan institusi terkemuka dunia. Untuk mencapai hasrat ini, fakulti harus memastikan pengetahuan dalam pengurusan perniagaan adalah besesuaian dengan kehendak dunia global.

Keterbukaan dalam menghargai kewujudan kepelbagaian dalam perniagaan sangat diperlukan bagi menjana produktiviti yang lebih cemerlang. Justeru itu, kita harus menerima pelajar, para akademik dan pentadbir yang cemerlang dari pelbagai lapangan perniagaan.

Modal insan yang diperoleh ini mestilah diberikan ilmu yang terkini dan dipupuk dengan budaya perniagaan positif. Budaya ini perlu merangkumi semua aspek kehidupan sebagai manusia yang bertanggungjawab menjalankan amanah dan mampu melahirkan buah fikiran yang mantap dan bernas.

Para graduan yang diraikan,

Saya yakin graduan yang berada di dalam dewan ini amat komited serta mempunyai keyakinan diri yang tinggi untuk berbakti kepada anak bangsa tidak kira di mana jua saudara-saudari berada nanti.

Saudara-saudari seharusnya menghormati kepelbagaian agama dan budaya demi menyemarakkan perpaduan yang bermatlamatkan pencapaian status negara maju.

Hargailah peranan serta pengorbanan ibu bapa yang tidak pernah berkira dalam hal-hal yang menyentuh kesejahteraan dan masa hadapan anak-anak mereka. Ibu bapa merupakan pihak pertama yang memerlukan budi saudara-saudari.

Saya juga berdoa semoga graduan sekalian sedar akan kedudukan bangsa yang sentiasa memerlukan perhatian dan keutamaan. Saya memohon para graduan untuk mengenang barang sejenak, betapa segala apa yang dikecapi pada hari ini, sebenarnya merupakan perancangan rapi serta wawasan bangsa kita.

Oleh itu, kembalikanlah ihsan tersebut dengan cara yang terpuji, berbudi dan selayaknya. Kepada graduan yang ingin berbakti kepada universiti tercinta ini, mulakanlah dengan menyumbang ke Tabung Alumni UiTM.

Melalui sumbangan para alumni UiTM, diharap dana yang terkumpul akan terus bertambah dan akan membolehkan lebih ramai siswa-siswi UiTM dapat terus belajar tanpa menghadapi masalah kewangan.

Hadirin yang saya hormati,

Sekali lagi, saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah atas kejayaan graduan sekalian. Saya berdoa semoga saudara-saudari akan terus maju dan berjaya dalam apa segala lapangan yang diceburi dan diusahakan.

Sekiranya ditakdirkan Allah kelak, saudara-saudari menjadi orang yang berjaya dalam kerjaya dan kehidupan, ingatlah bahawa di UiTM inilah, tempatnya graduan sekalian pernah berada dan menuntut ilmu pengetahuan. Biar di mana jua kita berada, berikanlah tempat yang istimewa kepada UiTM di sudut hati kita.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh.

UCAPAN

YBHG. TAN SRI DATO' SERI ARSHAD AYUB

TEKS UCAPAN

DI MAJLIS KONVOKESYEN UiTM KE - 81
SIDANG KETUJUH (PETANG)

YBHG. TAN SRI DATO' SERI UTAMA

ARSHAD AYUB

Bach. Tan Sri Dato' Seri Prof. Dr. E. Mohd. Hamid
Prof. Fakar
Naib Canselor

PRO-CANSELOR UiTM

Prof. Dr. Halim
Pegawai Naib Canselor
Akademi & Aspirasi Ingan

DI MAJLIS KONVOKESYEN UiTM KE - 81

Prof. Dr. Halim
Timbalan Naib Canselor

25 NOVEMBER 2014 (SELASA)

Prof. Dr. Halim
Timbalan Naib Canselor

Prof. Dr. Halim
Timbalan Naib Canselor

SIDANG KETUJUH

Prof. Dr. Halim
Timbalan Naib Canselor

Prof. Dr. Halim
Timbalan Naib Canselor

Prof. Dr. Halim
Timbalan Naib Canselor

UCAPAN

**YBHG. TAN SRI DATO' SERI ARSHAD AYUB
PRO-CANSELOR UiTM
DI MAJLIS KONVOKESYEN UiTM KE – 81
SIDANG KETUJUH (PETANG)**

Bismillahirrahmanirrahim

Terima kasih saudara / saudari Pengacara Majlis

- YBhg. Tan Sri Dato' Sri Prof. Ir. Dr. Sahol Hamid
Abu Bakar
Naib Canselor
- Prof Dr Hajah Azni Zain Ahmed
Timbalan Naib Canselor
(Akademik & Antarabangsa)
- Prof. Dato' Dr. Abdullah Mohamad Said
Timbalan Naib Canselor
(Hal Ehwal Pelajar)
- Prof Ir Dr Haji Abdul Rahman Omar
Timbalan Naib Canselor
Penyelidikan dan Inovasi
- Prof Dr Hajah Norsaadah Hj Ismail
Timbalan Naib Canselor
Jaringan Industri, Masyarakat & Alumni
- Pn Azida Azmi
Pendaftar
- Tuan Haji Sanip Wahid
Bendahari

- Pegawai-Pegawai Utama Universiti
- Penolong-Penolong Naib Canselor
- Ketua-Ketua Bahagian
- Dekan-Dekan Fakulti
- Kakitangan Akademik dan Pentadbiran
- Para ibu bapa dan graduan yang dihormati sekalian

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Ilahi kerana dapat kita berpeluang untuk bersama-sama berkumpul di Dewan Agung Tuanku Canselor ini, bagi menyempurnakan Sidang ke-7 dalam Istiadat Konvokesyen UiTM kali ke-81.

kebe:

Istiadat konvokesyen bagi sesi yang ini akan menyaksikan penganugerahan Ijazah serta Diploma kepada 1,140 graduan dari Fakulti Pengurusan Perniagaan. Program-program yang terlibat adalah enam program bagi Sarjana Muda dan dua dari program Diploma.

graduan:

Saya mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah dan syabas khususnya kepada ibu-bapa dan para pensyarah yang menjadi insan utama, dalam melahirkan generasi muda yang bakal menjadi peneraju serta harapan negara kita yang tercinta ini.

Kejayaan para graduan pada hari ini merupakan manifestasi hasil daripada komitmen dan sumbangan ibu bapa dan para pensyarah. Pengorbanan mereka tidak sedikit pun mengharap balasan, malahan doa dan keberkatan daripada merekalah yang sentiasa mengiringi kejayaan saudara-saudari sehingga ke tahap ini.

Sebagai tanda penghormatan dan terima kasih kepada semua ibu bapa, penjaga dan barisan penggerak kemajuan para graduan, saya memohon agar semua graduan berdiri, dan seterusnya memberikan tepukan hormat yang paling gemuruh kepada mereka sebagai tanda mengenang jasa dan budi.

Hadirin warga dewan sekalian,

Fakulti Pengurusan Perniagaan telah memainkan peranan penting dalam pembangunan bangsa dan negara, melalui pelbagai program yang mampu memberikan ilmu untuk para graduan supaya lebih berdaya saing dalam menerajui teras pembangunan ekonomi bumiputera.

Kita berhasrat agar dapat melahirkan generasi muda yang bukan hanya cemerlang daripada sudut akademik tetapi juga dari sudut peribadi. Ini adalah penting bagi memastikan UiTM dapat melahirkan graduan yang bukan hanya cemerlang dalam akademik tetapi dapat melahirkan graduan yang berbudi pekerti mulia serta sayangkan agama, bangsa dan negara.

Atas dasar itu, pelbagai program telah dijalankan di peringkat fakulti ini seperti lawatan ke rumah anak yatim, bacaan doa selamat bagi pelajar yang akan menduduki peperiksaan akhir, *volunteer open day* dan sebagainya.

Fakulti Pengurusan Perniagaan telah turut cemerlang dalam menghasilkan produk berteraskan profesionalisme dalam pelbagai bidang seperti Pengurusan Perniagaan, Pengurusan majlis, Pengurusan Pejabat, Pengurusan Kesihatan, Pengurusan Perkhidmatan pelanggan, Pengurusan Insuran, Pengurusan Pemasaran dan lain-lain lagi.

Ini jelas, membuktikan bahawa program-program ini telah diterima sebagai salah satu program penting dalam melahirkan golongan pengurus dalam pelbagai sektor.

Permintaan yang tinggi dalam peluang pekerjaan bagi para graduan lulusan Fakulti Pengurusan Perniagaan merupakan hasil usaha barisan tenaga pengajar yang amat berdidikasi serta komited, kerja keras pelajar itu sendiri dan doa daripada ibu-bapa para pelajar.

Barisan tenaga pengajar juga telah berusaha memberi ruang latihan dan kemahiran di samping pengetahuan ilmiah bagi mempertingkatkan ilmu dan kemahiran dalam pelbagai bidang.

Saya percaya kepakaran dan pengetahuan para pensyarah dari Fakulti Pengurusan Perniagaan merupakan salah satu pemangkin bagi melahirkan graduan yang berilmu dan berinovasi serta dapat mengharungi cabaran alam pekerjaan yang mendatang.

Walaupun, secara umumnya masih terdapat pihak yang beranggapan bahawa graduan dari universiti luar negara mempunyai kelebihan berbanding graduan UiTM, ini jelas membuktikan satu langkah proaktif yang perlu dilaksanakan dengan mengorak strategi untuk memastikan keterampilan graduan kita akan lebih terserlah setanding dengan graduan universiti luar.

Justeru itu, pesanan kepada semua graduan agar sentiasa positif dalam apa juga cabaran yang mendatang dan sentiasa bekerja keras untuk memantapkan diri masing-masing di alam pekerjaan.

Hadirin yang dihormati sekalian.

Fakulti Pengurusan Perniagaan merupakan salah sebuah fakulti terawal yang diasaskan dan para graduan daripada fakulti ini telah pun meneroka pelbagai sektor alam pekerjaan. Ini jelas menunjukkan bahawa para graduan merupakan salah satu aset penting ke arah pemangkin ekonomi negara.

Berdasarkan matlamat untuk menjana ekonomi, program berteraskan keusahawanan juga diberikan kepada para graduan dari fakulti ini. Atas usaha itu, lahirlah Bumiputera yang tidak hanya bergantung kepada sektor swasta dan kerajaan.

Satu kelebihan UiTM adalah dalam menghasilkan para graduan yang profesional. Kelebihan inilah yang berjaya memberi peluang pekerjaan kepada para graduan UiTM di luar sana. Pihak Industri pula telah memberi pengiktirafan dan mengakui para graduan daripada Fakulti Pengurusan Perniagaan mempunyai kemahiran dalam berbagai bentuk bidang termasuk kemahiran 'multi-tasking'.

Kemahiran 'multi-tasking' ini bukan hanya dilihat sebagai suatu kemahiran yang perlu bagi para graduan, tetapi dilihat sebagai satu cabaran kepada para pensyarah untuk sentiasa peka dengan isu-isu semasa dan penggunaan teknologi yang mampu membantu penghasilan pengajaran yang lebih berkesan. Malahan, ia merupakan salah satu strategi dalam membantu UiTM melahirkan para graduan yang berinovasi dan lebih berdaya saing.

Bagi memastikan para graduan lebih berinovasi berbagai program seperti Student Innovation Design competition (SIDC) telah diadakan di peringkat Fakulti, bagi menerapkan budaya berfikir secara kreatif dan inovatif di kalangan para graduan.

Saya berharap semoga semua para graduan akan dapat melangkah kaki keluar dari dewan ini dengan perasaan yang penuh iltizam untuk menjadi graduan UiTM yang boleh dibanggakan. Sentiasalah tekad dengan azam untuk berusaha dengan lebih keras, berwawasan agar menjadi individu yang lebih baik, mengenang budi dan sentiasa berterima kasih atas pengorbanan mereka yang telah banyak berjasa kepada saudara-saudari semua.

Para graduan sekalian,

Dikesempatan ini, saya ingin berpesan kepada para graduan untuk lebih proaktif, berusaha dan bersedia mengubah sikap dan minda bagi mencapai kejayaan yang lebih cemerlang dalam kerjaya masing-masing.

Kecemerlangan dalam kejayaan bagi setiap graduan bukan hanya berpaksikan kepada kecermerlangan dalam menguruskan tugas-tugas yang diamanahkan, tetapi kecermerlangan graduan dilihat dalam nilai-nilai murni seseorang graduan.

Semoga para graduan menjadi pekerja yang lebih berdidikasi, amanah serta sabar dalam menghadapi apa juga cabaran yang mendatang di alam pekerjaan.

Teruskanlah menjaga nama baik UiTM dan sentiasa memberi sokongan kepada program-program yang dijalankan, agar Alumni FPP seperti anda dapat kembali semula ke fakulti suatu hari nanti, untuk berkongsi ilmu dengan para pelajar dalam program *Industrial Talk* dan sebagainya.

Sekiranya ditakdirkan Allah kelak, saudara-saudari menjadi orang yang berjaya dalam kerjaya, ingatlah bahawa di UiTM inilah tempatnya saudara-saudari mencari ilmu dan pernah berkongsi suka duka saudara saudari di sini.

Tahniah dan syabas saya ucapkan kepada semua graduan kerana berjaya menyempurnakan perjalanan panjang yang penuh liku dan cabaran, selama menuntut di

UiTM, meskipun perjuangan hidup sebenar belum berakhir.

Sekian, wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamalaikum warahmatullahi wabarakatuh.

TEKS UCAPAN

**YBHG. TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA DR.
ABDUL RAHMAN ARSHAD**

PRO-CANSELOR UiTM

DI MAJLIS KONVOKESYEN UiTM KE – 81

26 NOVEMBER 2014 (RABU)

SIDANG KELAPAN

UCAPAN

**YBHG. TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA DR.
ABDUL RAHMAN ARSHAD**

PRO-CANSELOR UiTM

DI MAJLIS KONVOKESYEN UiTM KE – 81

SIDANG KELAPAN (PAGI)

.....
Bismillahirrahmanirrahim

Terima kasih saudara / saudari Pengacara Majlis

- Timbalan-Timbalan Naib Canselor
- Pegawai-Pegawai Utama Universiti
- Penolong-Penolong Naib Canselor
- Ketua-Ketua Bahagian
- Dekan-Dekan Fakulti
- Kakitangan Akademik dan Pentadbiran
- Para ibu bapa dan graduan yang dihormati sekalian

Alhamdulillah, bersyukur kita kehadiran Allah SWT kerana dengan izin-Nya dapat kita bertemu pada pagi yang bersejarah ini untuk bersama-sama meraikan kejayaan para graduan dalam acara gilang-gemilang universiti, Istiadat Konvokesyen Universiti Teknologi MARA kali ke-81.

Pada sidang ke-8 ini, suka saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada 910 orang graduan Ijazah Sarjana Muda dan 132 orang graduan diploma, masing-masing dari Fakulti Perakaunan dan Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media kerana telah berjaya menamatkan pengajian yang penuh onak dan duri di universiti ini.

Hadirin yang dihormati sekalian,

Fakulti Perakaunan, merupakan salah satu fakulti terawal di UiTM yang mempunyai objektif untuk menghasilkan lebih ramai akauntan bumiputera dalam memenuhi kehendak ekonomi negara yang semakin berkembang pesat.

Bermula dengan program pertama yang diperkenalkan pada tahun 1956, iaitu, program London Chambers of Commerce and Industry (LCCI), Fakulti Perakaunan terus mara dengan menawarkan program-program yang berdaya saing, di pelbagai peringkat pengajian.

Fakulti Perakaunan merupakan penyumbang kepada pertambahan jumlah akauntan bumiputera. Justeru, kerajaan akan mewujudkan Pusat Perakaunan Profesional bagi meningkatkan bilangan profesional bumiputera untuk membantu meningkatkan jumlah tersebut.

Perkara ini telah disuarakan oleh Perdana Menteri Malaysia, Ybhg. Datuk Seri Najib Tun Razak, semasa mempengerusikan Mesyuarat Majlis Ekonomi Bumiputera (MEB) pada 18 Jun 2014 yang lalu.

Diharap kejayaan hari ini bukanlah noktah akhir bagi saudara-saudari untuk menimba ilmu. Teruskan usaha dan semangat untuk menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi terutama ke peringkat professional.

Kelayakan dan kemahiran yang tinggi akan membolehkan anda bersaing dan sentiasa menjadi yang pertama dalam alam pekerjaan dunia industri di luar sana kelak sehingga ke peringkat global.

Mesr

Kepada yang telah memperoleh kelulusan professional, teruskan usaha sehingga menjadi 'fellow' kepada badan profesional perakaunan dan menjadi ahli penuh kepada MIA atau Malaysian Institute of Accountants.

pami:

Hadirin yang dihormati sekalian,

Bagi Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media (FKPM) yang dikenali dengan nama pendeknya, Mass Comm ini turut cemerlang dalam pelbagai kejayaan yang telah diukir.

Dalam era masyarakat bermaklumat, fakulti telah melahirkan ramai golongan professional tidak kira dalam konteks media cetak mahupun elektronik.

Meskipun siswazah dari fakulti ini sering dikaitkan dengan karier yang 'glamour' di kaca television, corong-corong radio, dan di dada-dada akhbar di negara ini, namun peranannya lebih jauh dari itu. Ia telah berjaya melahirkan ramai tokoh media dan komunikasi, termasuklah pemimpin dan pengurus media cetak, media elektronik dan media baharu di negara ini.

Bermula dengan nama Kajian Sebaran Am pada tahun 1972, fakulti ini telah berusia 42 tahun dengan pencapaian yang berbagai-bagai.

Ini kerana fakulti ini sentiasa mendokong visi UiTM untuk menjadikannya sebuah fakulti yang unggul, yang berteraskan kepada prinsip kecemerlangan akademik bagi menerajui pendidikan komunikasi dan media pada abad ke-21.

Fakulti ini juga sentiasa melahirkan graduan yang beretika, berdaya saing, dan bersedia menangani cabaran serta keperluan industri, globalisasi, dan era masyarakat yang bermaklumat.

Saya juga dimaklumkan bahawa prasarana pengajaran dan pembelajaran di fakulti ini agak lengkap. Terdapat sebuah studio television yang dilengkapi peralatan penggambaran 'multiple-camera productions', sebuah

studio radio lengkap dengan peralatan rakaman, dan juga bilik tayangan bagi kegunaan semua pelajar.

Selain itu, untuk melatih para pelajar dalam bidang kewartawanan siaran, terdapat sebuah Studio Kewartawanan Siaran disediakan. Terdapat juga sebuah makmal pegiklanan yang dikhususkan untuk tujuan penyelidikan di samping memberikan perkhidmatan penjenamaan semula, pengiklanan, dan perhubungan awam menerusi kerjasama dengan UiTM Holdings.

Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media juga mempunyai sebuah stesen radio iaitu Radio UiTM yang bersiaran dari 7 pagi sehingga 10 malam.

Dalam usaha untuk mengemas kini kemahiran dan teknologi dalam bidang komunikasi dan media, fakulti sentiasa melebar luas jaringan menerusi perbincangan dengan pihak industri.

Ini dapat membantu fakulti memperbaiki dan mengemas kini status dan corak pengajaran-pembelajaran dalam kalangan pensyarah, agar graduan yang dihasilkan berupaya menepati kehendak industri.

Para graduan yang diraikan,

Dunia hari ini penuh dengan prospek dan cabaran di luar jangkaan. Ingatlah, matlamat utama penubuhan UiTM bukan sahaja untuk mengisi keperluan tenaga kerja di sektor awam dan swasta, bahkan ia adalah untuk

melahirkan profesional bumiputera dalam pelbagai bidang termasuklah sains dan teknologi, perdagangan, pentadbiran, dan kemasyarakatan.

Oleh itu, persiapkanlah diri saudara-saudari dengan segala ilmu dan kemahiran agar menjadi generasi muda yang berwawasan, kompetitif, dan setanding dengan bangsa-bangsa lain. Jika keadaan memerlukan, jadilah pencipta kerja dan bukan menunggu kerja.

Beradanya saudara-saudari di UiTM ini bukanlah kerana ia suatu keistimewaan, sebaliknya ia merupakan satu kepercayaan yang diberikan setelah dipilih menjalankan tanggungjawab untuk agama, bangsa dan negara. Bersedialah untuk berubah dari segi sikap dan tanggungjawab.

Akhir sekali, jadikanlah detik sejarah pada hari ini sebagai titik permulaan kepada kehidupan yang lebih mencabar.

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada para hadirin yang bersusah payah datang dari jauh ke majlis ini dan selamat maju jaya kepada para graduan yang bakal menempuh alam kehidupan sebenar di luar sana.

Buah biadara dimasak lemak,

Dibawa perahu ke Pulau seberang,

Masa kecil ditimang emak,

Sudah besar ditimang gelombang.

Sekian, wabilahi taufik wal hidayah, wassalamualaikum

waarahmatulahi waabarakatuh. Terima kasih.

TEKS UCAPAN

**YBHG. TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA DR.
ABDUL RAHMAN ARSHAD**

PRO-CANSELOR UiTM

DI MAJLIS KONVOKESYEN UiTM KE – 81

26 NOVEMBER 2014 (RABU)

SIDANG KESEMBILAN

UCAPAN

**YBHG. TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA DR.
ABDUL RAHMAN ARSHAD**

PRO-CANSELOR UiTM

DI MAJLIS KONVOKESYEN UiTM KE – 81

SIDANG KESEMBILAN (PETANG)

Bismillahirrahmanirrahim

Terima kasih saudara / saudari Pengacara Majlis

- Timbalan-Timbalan Naib Canselor
- Pegawai-Pegawai Utama Universiti
- Penolong-Penolong Naib Canselor
- Ketua-Ketua Bahagian
- Dekan-Dekan Fakulti
- Kakitangan Akademik dan Pentadbiran
- Para ibu bapa dan graduan yang dihormati sekalian

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, dapat kita bertemu untuk bersama-sama meraikan Istiadat Konvokesyen Universiti Teknologi MARA ke-81 ini.

Hadirin sekalian,

Pada hari yang bersejarah ini, iaitu sidang ke-9 menyaksikan seramai 1,008 orang graduan dari Fakulti Perakaunan akan menerima diploma masing-masing. Tahniah dan syabas saya ucapkan kepada para graduan sekalian. Kejayaan yang dikecapi pada hari ini merupakan manifestasi hasil usaha gigih dan komitmen dalam menjalani pengajian sepanjang berada di UiTM.

Walau bagaimanapun, tanpa doa, pengorbanan dan sokongan daripada ibu bapa, kejayaan ini tidak dapat diperolehi. Justeru itu, saya menyeru agar para graduan dapat mengenang jasa dan pengorbanan ibu bapa dan penjaga anda. Jangan sesekali lupa dan mengenyahkan mereka selepas berjaya kelak kerana keberkatan mereka mengiringi setiap titik kejayaan anda.

Para akademia dan seluruh tunggak kepimpinan universiti telah bertungkus-lumus merealisasikan kecemerlangan para graduan pada hari ini. Peranan mereka menggalas amanah, menunaikan tanggungjawab dalam mengilmukan anak bangsa perlu disanjung tinggi. Lantaran, lahirlah graduan yang berkualiti dan berkompentensi tinggi sebagai peneraju pembangunan negara kelak.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Fakulti Perakaunan, merupakan salah satu Fakulti yang terawal di UiTM. Fakulti ini diwujudkan untuk menghasilkan lebih ramai akauntan bumiputera bertauliah seiring dengan pengembangan ekonomi negara kita, Malaysia.

Hasrat ini selaras dengan saranan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak, dalam Mesyuarat Majlis Ekonomi Bumiputera (MEB), bahawa Kerajaan akan mewujudkan Pusat Perakaunan Profesional. Pusat ini bertujuan untuk meningkatkan bilangan profesional bumiputera yang mengkhusus dalam bidang perakaunan.

Sehubungan itu, UiTM diberi penghormatan sebagai pusat penempatan dengan penawaran empat kursus professional, iaitu Institut Akauntan Pengurusan Bertauliah (CIMA), Institut Akauntan Bertauliah Berkanun (ACCA), Institut Akauntan Bertauliah England dan Wales (ICAEW) dan Persatuan Akauntan Awam Bertauliah Malaysia (MICPA).

Sebagai sebuah gedung ilmu, UiTM melalui fakulti merencana pelbagai strategi demi meningkatkan jumlah graduan profesional dalam bidang perakaunan dari lapan peratus ke sasaran 25 peratus menjelang 2020. Justeru itu, dengan kepakaran yang ada, Fakulti Perakaunan sentiasa menitikberatkan penambahbaikan berterusan ke atas semua program yang ditawarkan.

Segala bentuk input yang dijana oleh Fakulti Perakaunan adalah yang terkini dan relevan, selari dengan perubahan yang dilakukan oleh badan-badan profesional dalam dan luar negara.

Selain memperkenalkan budaya IQRA, Fakulti Perakaunan telah menerima anugerah "Platinum Status" daripada ACCA (Association of Chartered Certified Accountants) dan "Quality Partner" daripada CIMA. Ini membuktikan bahawa kualiti program profesional yang dijalankan oleh UiTM adalah bertaraf dunia.

Kelayakan profesional dalam bidang perakaunan menjadi salah satu platform bagi meningkatkan lagi mutu dan daya saing tenaga kerja. Dunia kerjaya anda lebih terbentang luas dengan adanya kelayakan profesional yang

membolehkan anda menerokai alam kerjaya sehingga peringkat global.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Peranan seorang akauntan memberi impak besar kepada perniagaan dan pertumbuhan ekonomi negara.

Tanggungjawab seorang akauntan profesional tidak sekadar memenuhi kehendak peribadi pelanggan atau majikan, tetapi memegang amanah awam.

Oleh itu, kepada para graduan sekalian, ingatlah bahawa anda adalah pemegang amanah. Peliharalah amanah yang diberi dengan sifat intergriti yang tinggi sebagai tunggak utama jati diri.

Profesional.

Kita semua sedia maklum bahawa tempoh pembelajaran di universiti telah menambahkan ilmu serta nilai dalam aspek pengetahuan dan kemahiran insaniah. UiTM telah cuba memberi ilmu dan memupuk keperibadian yang murni.

Maka, manfaatkanlah segala ilmu yang dipelajari dan pengalaman dilalui di universiti ini, dengan baik dan beretika. Jadikanlah ia sebagai sandaran bagi menjalani kehidupan di luar sana ke arah membantu meningkatkan nilai tambah negara.

Kepada para graduan, janganlah berhenti menimba ilmu. Teruskan usaha dan semangat untuk menyambung pengajian sehingga ke peringkat yang lebih tinggi iaitu ke peringkat Sarjana Muda dan seterusnya terus ke peringkat profesional.

Namun, ingatlah wahai graduan sekalian, setinggi mana pun saudara-saudari berada, jangan sesekali lupa pengorbanan ibu bapa, penjaga, para pensyarah dan institusi ini yang banyak membimbing serta membantu saudara-saudari sehingga berjaya.

Akhir kata, sekali lagi saya mengucapkan tahniah kepada semua penerima diploma pada sidang konvokesyen ini dan berdoa semoga para graduan akan terus cemerlang dan berjaya dalam kerjaya masing-masing.

Sekian. Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

UCAPAN

YBHG TAN SRI NURAIZAH ABDUL HAMID

PRO-CANSELOR UiTM

DI ISTIADAT KUNCI KEMAJLISAN

TEKS UCAPAN

SIDANG KESEPULUH (PAGI)

YBHG TAN SRI NURAIZAH ABDUL HAMID

PRO-CANSELOR UiTM

DI ISTIADAT KONVOKESYEN UiTM KE – 81

29 NOVEMBER 2013 (SABTU)

SIDANG KESEPULUH

UCAPAN

YBHG TAN SRI NURAIZAH ABDUL HAMID

PRO-CANSELOR UiTM

DI ISTIADAT KONVOKESYEN UiTM KE – 81

SIDANG KESEPULUH (PAGI)

Bismillahirrahmanirrahim

Terima kasih saudara / saudari Pengacara Majlis

- Yang Berbahagia Tan Sri Naib Canselor
- Timbalan-Timbalan Naib Canselor
- Pegawai-Pegawai Utama Universiti
- Penolong-Penolong Naib Canselor
- Ketua-Ketua Bahagian
- Dekan-Dekan Fakulti
- Kakitangan Akademik dan Pentadbiran
- Para ibu bapa dan graduan yang dihormati sekalian

Alhamdulillah, bersyukur kita kepada Allah subhanahu wa ta'ala yang memberi rahmat bagi kita bersama-sama berkumpul pada pagi ini untuk meraikan penganugerahan Ijazah Sarjana Muda kepada seramai 1,140 orang graduan; 685 adalah dari Fakulti Senibina dan 455 dari Fakulti Sains Gunaan.

Para graduan sekalian,

Perjalanan saudara-saudari sepanjang berada di UiTM diibaratkan sebagai suatu perlumbaan. Sesebuah perlumbaan itu, pasti mempunyai kumpulan penyokong yang memberi semangat, dorongan dan bantuan.

Di dalam konteks hari ini, tulang belakang kejayaan para graduan sudah pastinya ibu-bapa dan penjaga yang dikasihi serta kaum keluarga masing-masing.

Pensyarah-pensyarah dan kumpulan pentadbir UiTM turut merupakan pelengkap. Tanpa mereka, tiadalah ilmu di dada. Izinkan saya memberi serangkap pantun.

“Anak ikan berlima-lima,
Berenang riang di dalam taman.
Budimu tuan kami terima,
Jadi kenangan sepanjang zaman!”

Saya percaya, dalam apa jua jenis perlumbaan pun, hanya yang cekal, cekap mengurus waktu dan tahu menentukan keutamaan, yang akhirnya tiba di puncak

kejayaan. Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada para graduan sekalian kerana telah berjaya mengharungi halangan permulaan ke alam kerjaya yang lebih mencabar.

Hadirin yang dimuliakan,

Dalam usaha melahirkan graduan yang lebih holistik dan mempunyai kebolehpasaran yang tinggi, Fakulti Sains Gunaan mengambil langkah menghantar para pelajarinya menjalankan latihan industri, pembentangan kertas kerja dan mobiliti pelajar ke luar negara. Antaranya, China, Singapura, India, Thailand, Korea, Hong Kong, Turki, Australia dan Pakistan. Ini adalah salah satu strategi fakulti untuk mengantarabangsakan pelajarinya.

Dua daripada graduannya dari Program Biologi Tulen dan Program Kimia telah berjaya ditawarkan pengajian ke peringkat Sarjana di Imperial College, London. Ini merupakan satu pengiktirafan bagi graduan kita kerana diterima melanjutkan pengajian di universiti yang terkemuka di dunia.

Kerjasama dengan industri, pemantapan program-program akademik dan kemasyarakatan serta peningkatan jumlah penyelidikan telah dilaksanakan untuk melahirkan graduan yang cemerlang dari segi akademik dan sahsiah diri, supaya menjadi pilihan utama industry, terutamanya, dalam bidang sains dan teknologi.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Dua daripada graduannya dari Program Biologi Tulen dan Program Kimia telah berjaya ditawarkan pengajian ke peringkat Sarjana di Imperial College, London. Ini merupakan satu pengiktirafan bagi graduan kita kerana diterima melanjutkan pengajian di universiti yang terkemuka di dunia.

Kerjasama dengan industri, pemantapan program-program akademik dan kemasyarakatan serta peningkatan jumlah penyelidikan telah dilaksanakan untuk melahirkan graduan yang cemerlang dari segi akademik dan sahsiah diri, supaya menjadi pilihan utama industry, terutamanya, dalam bidang sains dan teknologi.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Pada sidang ini juga, kita turut meraikan seramai 685 orang graduan dari Fakulti Seni bina, Perancangan dan Ukur.

Sebagai menyahut cabaran UiTM untuk menempa nama di peta dunia, pelbagai strategi telah diambil untuk memperluas dan memperkasa bidang-bidang pengajian di Fakulti Seni Bina, Perancangan & Ukur. Pusat-pusat Kecemerlangan, *Centre for Environment-Behaviour Studies*, gigih bekerjasama dengan rakan sejawat di dalam dan di luar negara.

Siri konferensi antarabangsa yang dijalankan di London pada akhir 2013, diteruskan dengan meneroka sehingga ke Berlin, Seoul, Barcelona, Jakarta dan Tehran menjelang 2015. Barisan pensyarah dan gabungan

pelajar-pelajar juga, secara aktif, membenteng hasil kajian di dalam dan luar negara seperti Germany, Korea, United Kingdom, Portugal dan Italy.

Penerbitan jurnal akademiknya, bagi mengetengahkan penyelidikan bertaraf antarabangsa, kini berjaya didaftarkan di dalam *Malaysian Citation Journal Management System* selain prosiding konferensi diindeks oleh Thomson Reuters CPCI.

Program profesional yang dijalankan adalah berfokus kepada usaha mendidik pelajar ke arah menjadi pemimpin dan pemilik firma. Malahan, turut membanggakan apabila Fakulti ini menerima pengiktirafan dengan dinobatkan sebagai Fakulti Keusahawanan pada awal tahun ini.

Semangat ini juga mendorong kumpulan pelajar senibina Fakulti ini memenangi hadiah pameran terbaik Anugerah Kepimpinan Industri dan Masyarakat peringkat UiTM 2014.

Pencapaian yang diraih semakin meneguhkan kualiti pengajian di Fakulti Senibena, Perancangan dan Ukur agar mencapai piawai antarabangsa. Semua bidang pengajian di fakulti ini diiktiraf oleh badan-badan akreditasi berkaitan di dalam dan juga luar negara. Antaranya, oleh Royal Institute of Chartered Surveyors dan Chartered Institute of Builders, United Kingdom. Program Senibina pula telah menerima pengiktirafan berterusan, selama lima tahun lagi, oleh Royal Institute of British Architects.

Setiap kejayaan yang dicipta, sama ada ketika masih belajar atau setelah bekerja kelak, menjadi sumbangan yang sangat bernilai kepada universiti dan fakulti. Sememangnya, kita mengharapkan semua graduan pada hari ini akan terus mencipta nama dalam kerjaya masing-masing.

Para graduan yang diraikan,

Perjalanan para graduan, seterusnya, bakal memikul amanah dan tanggungjawab yang melibatkan masa, harta benda, wang ringgit serta keringat orang lain. Mereka mungkin pihak majikan, para pelanggan, pihak-pihak berkepentingan, malah orang awam.

Saya percaya para graduan telah diberi peringatan mengenai kod etika bidang profesional masing-masing. Sebagai umat Islam pula, kita sudah pastinya sedar akan amanah kita sebagai khalifah untuk memakmurkan bumi Allah ini.

Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada semua warga universiti yang selama ini telah memenuhi tanggungjawab dalam pendidikan dan pengurusan mencapai matlamat negara, UiTM, ibu bapa dan graduan. Tanpa mereka, pencapaian UiTM tidak akan menjadi sehebat yang dikecapi sekarang.

Dengan iringan doa dan ucapan 'Ciptalah Keunggulan!', ayuh para graduan, bersama-sama kita mengharumkan

nama UiTM di persada dunia serta membanggakan agama, bangsa dan negara!

Sekian, Wabillahi Taufiq Walhidaayah

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarokaatuh.

TEKS UCAPAN

YBHG TAN SRI NURAIZAH ABDUL HAMID

PRO-CANSELOR UiTM

DI ISTIADAT KONVOKESYEN UiTM KE – 81

29 NOVEMBER 2013 (SABTU)

SIDANG KESEBELAS

UCAPAN

YBHG TAN SRI NURAIZAH ABDUL HAMID

PRO-CANSELOR UiTM

DI ISTIADAT KONVOKESYEN UiTM KE – 81

SIDANG KESEBELAS (PETANG)

Bismillahirrahmanirrahim

Terima kasih saudara / saudari Pengacara Majlis

- Yang Berbahagia Tan Sri Naib Canselor
- Timbalan-Timbalan Naib Canselor
- Pegawai-Pegawai Utama Universiti
- Penolong-Penolong Naib Canselor
- Ketua-Ketua Bahagian
- Dekan-Dekan Fakulti
- Kakitangan Akademik dan Pentadbiran
- Para ibu bapa dan graduan yang dihormati sekalian

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, kita dapat bertemu untuk bersama-sama meraikan Istiadat Konvokesyen Universiti Teknologi MARA ke- 81 ini.

Pada hari yang bersejarah ini, saya mengambil peluang untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada 892 graduan dari Fakulti Sains Gunaan dan 244 graduan dari Fakulti Perladangan dan Agroteknologi.

Hari ini adalah hari yang sangat bermakna bukan sahaja kepada para graduan, malah kepada kita semua. Kepada ibu bapa, saya percaya kejayaan anak-anak kita ini adalah merupakan saat yang kita tunggu sekian lama.

Kejayaan yang dicapai oleh para graduan adalah juga merupakan sumbangan serta pengorbanan yang dicurahkan oleh ibu bapa serta para pensyarah pada setiap masa. Kini, para graduan bukan sahaja berasa lega dan bangga tetapi, sebenarnya, telah juga mengurniakan satu hadiah istimewa yang tidak ternilai kepada ibu bapa, pensyarah dan Negara, umumnya.

Peluang dan ruang yang diberi oleh UiTM tidak disia-siakan, lantas membuahkkan hasil yang memberikan harapan bagi suatu kehidupan yang terjamin dan cemerlang untuk diri sendiri, bangsa dan negara pada masa hadapan. Bangsa cemerlang menjana kehidupan gemilang. Insya-Allah.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

Fakulti Sains Gunaan adalah antara fakulti yang tertua di UiTM. Banyak pengalaman telah ditimba, justeru sehingga kini, terdapat 26 program pengajian yang ditawarkan di fakulti ini dari peringkat Pra-Sains sehinggalah ke peringkat PhD.

Fakulti Sains Gunaan berhasrat menjadi fakulti yang menerima enrolmen pelajar paling ramai dalam gugusan Sains dan Teknologi. Gugusan ini mencatat 60 peratus daripada jumlah enrolmen pelajar UiTM. Dalam masa yang sama Program Ijazah Sarjana juga tidak hanya menerusi mod pengajian penyelidikan sahaja tetapi kini sudah ada program ini yang diadun penyelidikan dengan teori.

Hadirin yang dihormati sekalian,

Dalam usaha melahirkan graduan yang lebih holistik dan mempunyai kebolehpasaran yang tinggi, Fakulti Sains Gunaan menekankan pelajarannya agar sentiasa produktif dalam melayari bahtera ilmu ini. Fakulti sentiasa mempersiapkan pelajarannya dengan elemen-elemen bukan sahaja akademik, bahkan kemahiran modal insan yang tinggi.

Fakulti Sains Gunaan sentiasa komited untuk memperoleh hasil pencapaian yang seiring dengan visi dan misi fakulti untuk menjadi sebuah fakulti yang unggul dalam bidang sains dan teknologi. Ini adalah dengan memberi sumbangan kepada negara melalui tiga teras utama, iaitu,

pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan dan khidmat masyarakat.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Pelbagai strategi telah diatur untuk memperkasa setiap warganya dalam mendepani kecemerlangan bangsanya.

Dorongan terhadap pembangunan graduan yang bermutu tinggi turut digarap melalui penglibatan dalam latihan industri, pertandingan, penyelidikan dan inovasi.

Pelbagai kejayaan yang membanggakan telah dicatatkan dan diraih sepanjang tahun ini.

Untuk menghasilkan pelajar yang lebih proaktif dan berdaya saing, Fakulti Sains Gunaan menggalakkan pelajarannya untuk bergiat dalam penerbitan penulisan,

konferensi, seminar, bengkel dan kursus di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Ini adalah salah satu agenda fakulti ke arah meningkatkan jaringan kolaborasi demi memperkenalkan fakulti kepada dunia akademik dalam dan luar negara. Bagi Fakulti Sains Gunaan, pembudayaan ilmu perlu dipupuk dari setiap sudut kerana masa hadapan pasti menjanjikan cabaran di luar jangkaan. Justeru, fakulti sentiasa menitikberatkan kualiti yang dihasilkan demi melangkah hebat menongkah arus dalam dunia kerjaya di luar sana kelak.

Fakulti juga melakar sejarah apabila menerima pengiktirafan oleh universiti terkemuka luar negara dengan dua daripada pelajarannya diterima masuk

melanjutkan pengajian di peringkat Sarjana, dalam Program Biologi Tulen dan Program Kimia, di Imperial College London.

Sesungguhnya, semua ini tidak akan menjadi kenyataan tanpa kesungguhan semua pihak serta keberkatan dan kerahmatan Allah SWT. Saya percaya fakulti ini akan terus berkembang dan menerangi bidang akademik zaman-berzaman.

Para hadirin sekalian,

Sekalung tahniah juga diucapkan kepada Fakulti Perladangan dan Agroteknologi atas kejayaan penubuhannya pada Julai 2010. Sebagai sebuah fakulti yang masih muda, ianya mempunyai aspirasi yang sangat

besar dalam memacu hala tuju fakulti agar dapat memenuhi cabaran dan kehendak global.

Sepanjang bergelar Program Perladangan sehinggalah tertubuhnya Fakulti Perladangan dan Agroteknologi, pelbagai kejayaan telah dikecapi. Kursus-kursus di bawah fakulti bukan sahaja terdapat di kampus induk Shah Alam tetapi turut ditawarkan di kampus-kampus cawangan dan yang terbaru di Kampus Jasin, Melaka.

Pertambahan kampus ini selari dengan sasaran fakulti untuk mendapatkan enrolmen pelajar seramai 7000 menjelang tahun 2015. Ini adalah selaras dengan objektif Fakulti Perladangan dan Agroteknologi untuk melahirkan graduan bumiputera yang berdaya saing dan mampu

melakukan lonjakan transformasi terhadap bidang perladangan dan agroteknologi pada masa akan datang.

Beberapa program baru bakal diperkenalkan di peringkat pra-ijazah. Antaranya ialah Program Perniagaan Tani, Akuakultur, Agronomi, Bioteknologi Tumbuhan, Mekanisasi Perladangan, Usahawan Tani, Sains Ternakan dan Perlindungan Tanaman.

Para graduan yang dikasihi sekalian,

Banyak masa, tenaga dan wang ringgit telah dicurahkan kepada semua dalam mendidik dan menjadi insan yang berguna. Maka, saya ingin berpesan kepada graduan sekalian: tunaikanlah tanggungjawab sebagai rakyat yang sentiasa berterima kasih dan bersyukur kepada kerajaan

yang prihatin. Milikilah sifat kental - tak lapok dek hujan dan tak lekang dek panas. Simpanlah niat untuk membalas budi kepada mereka yang telah banyak berjasa kepada anda sehingga anda mencapai kejayaan pada hari ini.

Sekali lagi, saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah atas kejayaan saudara-saudari sekalian. Saya berdoa semoga saudara-saudari akan terus maju jaya dalam segala lapangan yang diceburi dan diusahakan. Biar di mana sekalipun anda berada, berikanlah tempat yang istimewa kepada UiTM di sudut hati. Jadikanlah UiTM ini sentiasa menjadi perkiraan dalam apa jua perancangan yang dilakukan.

Oleh itu, saya rasa perlu bagi saudara saudari mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat. Kepada rakan taulan dan pensyarah, ucapkan terima kasih sebagai tanda penghargaan. Kepada ibu bapa, salam dan dakaplah mereka bagi menunjukkan bahawa tanpa dorongan, kasih sayang dan berkat doa restu mereka, anda mungkin tiada di sini. Kepada universiti yang tercinta, jadilah ahli alumni yang setia dan sebagai golongan berpendidikan tinggi yang cemerlang agar bangsa kita ini dapat berada pada kedudukan ekonomi yang setaraf dengan bangsa-bangsa yang lain.

Sekian, Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

UCAPAN

TEKS UCAPAN

YBHG TAN SRI DATO' SRI PROF. IR DR
SAHOL HAMID ABU BAKAR

NAIB CANSELOR, UiTM

DI ISTIADAT KONVOKESYEN UiTM KE – 81

30 NOVEMBER 2014 (AHAD)

SIDANG KEDUA BELAS

(PAGI)

Prof. Dr. Hisham Azmi Zaini

Tinjalah Naib Canselor

(Akademi & Antarabangsa)

Pn. Azida Azmi

Pendatar

UCAPAN

**YBHG TAN SRI DATO' SRI PROF. IR DR
SAHOL HAMID ABU BAKAR**

NAIB CANSELOR, UiTM

**DI ISTIADAT KONVOKESYEN UiTM KE – 81
SIDANG KEDUA BELAS (PAGI)**

.....

Bismillahirrahmanirrahim

Assalammualaikum, salam sejahtera & UiTM Sentiasa Di Hatiku.

Terima kasih saudara Pengacara Majlis

- Prof Dr Hajah Azni Zain Ahmed
Timbalan Naib Canselor
(Akademik & Antarabangsa)
- Pn Azida Azmi
Pendaftar

- Encik Sanip Wahid
Bendahari
- Prof Dr Hajah Azlinah Hj Mohamed
Dekan Fakulti
Sains Komputer dan Matematik
- Kakitangan Akademik dan Pentadbiran
- Para ibu bapa dan graduan yang dihormati sekalian

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya, kita dapat bersama-sama berkumpul dalam dewan yang indah ini, untuk meraikan Istiadat Konvokesyen Universiti Teknologi MARA kali yang ke-81, bagi sidang ke-12.

Pada hari yang penuh keberkatan ini, saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas **kepada 920 orang graduan dari Fakulti**

Sains Komputer Dan Matematik, kerana telah berjaya menamatkan pengajian setelah berhempas pulas menghadapi cabaran sebagai pelajar UiTM.

Saya percaya, hari ini juga merupakan hari penuh sejarah dalam hidup anda saat yang ditunggu-tunggu oleh ibu bapa dan sanak saudara yang telah sekian lama berkorban masa, tenaga dan kewangan, membesarkan anak-anak diiringi dengan doa yang tiada noktah.

Tidak lupa kepada para pensyarah dan pentadbir universiti kerana sentiasa berdedikasi untuk memastikan kejayaan para graduan sekalian. Syabas diucapkan.

Harapan kami di barisan kepemimpinan universiti agar saudara-saudari sentiasa menjaga nama baik UiTM walaupun saudara-saudari telah bergelar graduan.

Kecemerlangan saudara-saudari melambangkan kejayaan dan kecemerlangan bangsa.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

Secara sedar atau tidak senario bangsa kini semakin berubah, baik dari segi politik, ekonomi mahupun sosial. UiTM menggalas peranan dan terus berusaha untuk mempertahankan segala sistem yang selama ini memberikan kemakmuran kepada bangsa pribuminya di negara ini.

Malahan, pendidikan di UiTM menuntut tindak balas yang ber-se-padanan agar survival melayu dan bumiputera menjadi agenda utama. Maka UiTM tetap dipertahan sebagai benteng dan tunggak utama kepada kecemerlangan dan kelangsungan bangsa yang kita cintai.

Maklumat berkunjung ke riba hingga tidak terkejar mata menatapnya, dan tidak terhambat masa untuk diteroka.

Sempadan geo-politik pula semakin hari, semakin berubah. Pada ketika inilah, para graduan fakulti perlu mengambil inisiatif untuk berusaha mencapai kejayaan agar tidak hanyut di dalam arus pembangunan yang pesat ini.

Hadirin warga dewan yang dikasihi sekalian,

Seiring dengan keperluan dalam proses pemodenan dan pembangunan negara, Fakulti Sains Komputer Dan Matematik menawarkan kepelbagaian program pengkhususannya, yang akan membantu dalam melahirkan graduan mahir berteknologi terkini.

Dalam mengembang dan meneroka sempadan ilmu, pembangunan kemahiran insaniah juga diterapkan untuk membentuk generasi graduan yang bukan sahaja berpengetahuan dan berkemahiran tinggi, tetapi juga berbudi pekerti dan bertanggungjawab, yang dapat

menyumbang kepada perpaduan dan kesejahteraan masyarakat sejagat.

Saya sedar masih ada yang berpendapat bahawa pemodenan mungkin membawa unsur-unsur negatif terutamanya kepada generasi muda. Namun, saya yakin dan percaya, dengan adanya asas jati diri yang kukuh dan jitu, graduan UiTM tidak akan mudah runtuh akhlaknya walaupun sedang rancak di-buai kemewahan duniawi.

Hadirin yang dihormati sekalian

Secara sedar atau tidak senario dan keadaan orang Melayu dan bumiputera kini semakin berubah di negara ini, Baik dari segi politik, ekonomi mahupun sosial. Sememangnya sukar untuk kita menerima sesuatu perubahan. Apa yang kita nikmati selama ini tidak pasti akan dapat dikecapi lagi oleh anak cucu kita nanti. Jesteru, UiTM terus berusaha untuk mempertahankan segala sistem yang selama ini memberikan kemakmuran orang melayu dan bumiputera di negara ini.

Ternyata pendidikan di UiTM menuntut tindak balas yang bersepadanan agar **survival melayu** dan bumiputera menjadi agenda utama. Maka uitm tetap dipertahankan sebagai benteng dan tunggak utama kepada kecermelangan dan kelangsungan bangsa yang kita cintai.

Namun yang mengusarkan saya di akhir-akhirnya banyak diperkatakan mengenai orang melayu yang bukan sahaja tidak melihat nur atau hala tuju masa depan dan survival melayu. Segelintir umat melayu kini juga semakin **terhakis roh perjuangan.**

Sesetengah dari kita tidak lagi mahu berkorban demi bangsa. Sudah kurang rasa dan jiwa untuk terus membantu sesama bangsa. Malah ada yang telah mengkhinati bangsanya sendiri dengan pelbagai tuduhan, fitnah dan adu domba. Di mana semangat ukhwah dan setia bangsa.

Lebih menyedihkan sanggup menghalalkan cara demi sesuatu agenda. Sebenarnya bangsa kita akan terus maju jika kita jujur dan ikhlas dalam perjuangan.

Tuan-tuan dan puan-puan serta para graduan sekalian

Kepada para graduan sekalian saya ingin menyeru agar sentiasa sayangi dan mengutamakan dan mempertahankan kedaulatan dan survival bangsa kita. Kami di UiTM akan rasa amat terkilan andainya ada di antara graduan yang sudah melupakan bangsanya sendiri. Lupa asal usul dan kenikmatan yang mereka peroleh sehingga berjaya di menara. Jangan jadi bangsa yang mudah lupa atau buat-buat lupa terhadap segala pengorbanan yang diterima,

Bagi saya untuk menjadikan bangsa melayu bermaruah, maka insan bernama melayu perlulah menjauhi **4 D'**.. iaitu **darjat, duit, dendam, dan dengki**. Darjat dan maruah atau kedudukan melayu akan terpelihara jika kita

bersama-sama memastikan keluhuran dan kemurnian bangsanya sendiri.

Maka dalam hal ini kita perlu ingat duit atau harta bukan sahaja membawa kebahagiaan, namun juga boleh memudaratkan. Jangan kerana harta dan pangkat kita lupa bahawa kita telah memusnahkan nama baik bangsa kita.

Begitu juga sifat dendam dan dengki sesama bangsa nampaknya kian menular dan menakutkan. Perpaduan dan solidariti bangsa melayu perlulah diutamakan dalam segala hal kehidupan. Kerana dendam, kuasa, demi kerakusan kuasa sehingga ada segelintir dari kita sanggup mengenyepikan persoalan kelestarian dan nama baik bangsa.

Dalam era zon lepahan maklumat kini, anda juga dituntut untuk sentiasa peka dengan apa juga yang datang dan diterima dalam media sosial.

Saya berpendapat bahawa orang melayu kita terkadang alpa dan mudah percaya dengan apa yang mereka terima , tanpa berfikir, menapis dan menyaring maklumat sebebelum membuat ssesuatu keputusan. **Jadilah warga yang celik media, celik minda, dan celik hati.**

Bangsa melayu akan terus terbilang jika budaya membaca menjadi agenda dalam kehidupan. Jangan hendaknya apabila anda telah melangkah dari gedung ilmu ini, tidak lagi menjadikan membaca sebagai amalan dan budaya. Baca lah bahan bacaan ilmiah dan buku-buku motivasi untuk menyuburkan daya intelek kita. **Tun Mahathir mantan Perdana Menteri Malaysia, pernah berkata bahawa bangsa yang kurang membaca akan ketinggalan dan lama-lama kelamaan mudah diperdaya.**

Tekadang kala segelintir dari pada bangsa kita yang mengenenpikan persoalan kualiti dan kecemerlangan.

Masih lagi kedengaran dalam kalangan kita yang mengutamakan kronisme dan nepotisme dalam bidang perkerjaan dan perniagaan. Sikap sebegini menyebabkan wujudnya ***survival of incompetant***. Mereka yang betul-betul baik, cekap dan berkualiti tidak diberikan tempat dan jawatan yang setimpal. Maka jika ini berterusan, kualiti dalam pengurusan dan perniagaan terdiri daripada mereka yang kurang berupaya dan menyebabkan kurang bersaing dalam pasaran.

Hadirin sekalian

Berhubung dengan dunia pekerjaan saya juga ingin mengatakan di sini bahawa hasil kajian kebolehpasaran graduan dalam tempuh 9 tahun kebelakangan menunjukkan bahawa **77% graduan UiTM telah bekerja di sektor swasta tempatan, antara bangsa dan sebagai usahawanan. Manakala 23% bekerja dengan kerajaan dan syarikat berkaitan dengan kerajaan.**

Ini menunjukkan bahawa graduan uitm mempunyai kualiti malah di terima oleh syarikat antarabangsa dan milik kaum cina di malaysia. Bagi saya graduan uitm telah mengharumkan nama baik dan maruah bangsa melayu yang mampu bersaing dan malah lebih baik daripada bangsa-bangsa lain. Ini lah kecemerlangan UiTM.

Namun bagi saya kita akan lebih bermaruah dan disegani jika kita mula berdikari, bermandiri dan mengharungi kehidupan dalam dunia perniagaan melalui keusahawanan. Maka saya fikir kita perlu bertanya sampai bila kita harus meminta-minta dan memerlukan subsidi dalam kehidupan kita.

Saudara-saudari perlu melangkah lebih jauh dengan mencorak destini cemerlang di persada perniagaan dan kerja. Percayalah jika kiata berusaha insyallah kita akan berjaya.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Salah satu perkara yang menyerlahkan graduan UiTM daripada graduan lain adalah keterampilan mereka dalam berkomunikasi dengan menggunakan bahasa Inggeris. Ini akan memberi nilai tambah kepada para graduan apabila berada di alam pekerjaan. Saudara-saudari perlu sentiasa pro-aktif dalam merebut peluang untuk menempa nama di persada tempatan dan antarabangsa, sekali gus menjulang nama bangsa dan negara.

Menjadi orang yang berilmu merupakan anugerah yang tiada tolok bandingnya. Sebagai khalifah di bumi Allah ini, kita dikurniakan dengan akal pemikiran dan keupayaan mengawal emosi untuk menjaga keharmonian kehidupan sejagat.

Walau bagaimanapun, bukan semua insan berupaya merenangi lautan cabaran yang terbentang untuk sampai ke syurga ilmu yang tiada batasnya. Hanya golongan yang

bersemangat waja dan berjiwa kental sahaja dapat sampai ke pantai sucinya.

Para graduan yang diraikan,

Saudara-saudari bertanggungjawab untuk membuktikan kepada masyarakat, bahawa saudara-saudari merupakan permata terpilih, yang tinggi kualiti diri dan budi, pintar memanfaatkan pengetahuan, berdaya tahan menghadapi cabaran, berdaya juang dalam gelap dan terang, mahir meng-inovasi apabila diberi kepercayaan, serta diuji dan layak dipuji.

Namun, ingatlah wahai graduan sekalian, setinggi mana pun saudara-saudari berada, saya mengharapkan agar jangan sesekali lupa pengorbanan ibu bapa, penjaga, para pensyarah dan institusi ini yang banyak membimbing serta membantu saudara-saudari sehingga berjaya.

Saya akhiri dengan ucapan selamat maju jaya kepada para graduan sekalian dan teruskan berbudi kepada bangsa dan negara.

Dengarkanlah lagu Destini Anak Bangsa ini sebagai Lambang Maruah Diri.,

Sekian, wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

TEKS UCAPAN

**YBHG TAN SRI DATO' SRI PROF. IR DR
SAHOL HAMID ABU BAKAR**

NAIB CANSELOR, UiTM

DI ISTIADAT KONVOKESYEN UiTM KE – 81

30 NOVEMBER 2014 (AHAD)

SIDANG KETIGA BELAS

(PAGI)

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum, salam sejahtera & UiTM Sentiasa Di Hatiku.

Terima kasih saudara Pengacara Majlis

- Prof Dr Hajah Azni Zain Ahmed
Timbalan Naib Canselor
(Akademik & Antarabangsa)
- Prof Dato' Abdullah Mohamad Said
Timbalan Naib Canselor
Hal Ehwal Pelajar
- Pn Azida Azmi
Pendaftar
- Prof Sr Ir Dr Hj Suhaimi Abd Talib
Penolong Naib Canselor
(Pembangunan, Pengurusan Fasiliti & ICT)
- Prof Dr Sharifah Aishah Syed Abdul Kadir
Penolong Naib Canselor
Kampus Puncak Alam & Puncak Perdana
- Dekan- Dekan Fakulti
- Kakitangan Akademik dan Pentadbiran
- Para ibu bapa dan graduan yang dihormati sekalian

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya jua, kita dapat bertemu pada sidang ke-13, untuk bersama-sama meraikan Istiadat Konvokesyen Universiti Teknologi MARA Ke-81 ini.

Pada hari yang bersejarah ini, saya ingin mengambil peluang untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada 1,116 graduan dari **Fakulti Kejuruteraan Awam, Fakulti Kejuruteraan Elektrik, Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal** kerana telah berjaya menamatkan pengajian setelah berusaha dan berhempas pulas menghadapi cabaran sebagai mahasiswa UiTM.

Malahan, dengan terenggamnya segulung Ijazah pada hari ini, tanpa disedari, para graduan telah menghadiahkan satu kejayaan yang tidak ternilai kepada ibu bapa, para pensyarah, bahkan juga kepada guru-guru yang mendidik saudara-saudari semasa di bangku sekolah dahulu.

Hadirin warga dewan sekalian,

UiTM sangat komited dalam memastikan kualiti mahasiswa yang dihasilkan melalui program akademiknya sentiasa mengikut keperluan industri dan kehendak pasaran.

Ini terbukti dengan pengiktirafan yang diperolehi daripada pihak *Engineering Accreditation Council* (EAC), dapat melahirkan graduan yang kompetatif serta bertaraf antarabangsa.

Atas sebab ini, Sebagai seorang jurutera yang telah lama terlibat secara professional dalam bidang kejuruteraan ini., bagi sidang konvokesyen hadapan saya nak

Add lips :

- Bakal graduan semester hadapan perlu berdaftar dengan badan professional.,
- mesti apabila konvokesyen, nama para pelajar di panggil dengan gelaran "Enginer Ahmad" sebagai contoh.,

Ini terbukti dengan pengiktirafan yang diperolehi daripada pihak *Engineering Accreditation Council* (EAC), dapat melahirkan graduan yang kompetatif serta bertaraf antarabangsa.

Atas sebab ini, Sebagai seorang jurutera yang telah lama terlibat secara professional dalam bidang kejuruteraan ini., bagi sidang konvokesyen hadapan saya nak

Add lips :

- Bakal graduan semester hadapan perlu berdaftar dengan badan professional.,
- mesti apabila konvokesyen, nama para pelajar di panggil dengan gelaran "Enginer Ahmad" sebagai contoh.,

- perkara ini mesti menjadi syarat wajib sebelum graduan tamat pengajian.,

Semua ini UiTM lakukan demi memastikan semua graduan dalam bidang professional mempunyai peluang yang cerah di masa hadapan.

"Kalau kita dilahirkan miskin itu takdir, tapi kalau kita telah diberi peluang dan tetap miskin itu sebenarnya kebodohan kita sendiri"

Kejayaan ini merupakan satu tahap pencapaian berprestij yang menunjukkan bahawa para graduan telah mencapai satu piawaian kompetensi yang benar-benar menepati kehendak badan-badan profesional dan keperluan sektor perjawatan swasta serta kerajaan.

Kualiti graduan hari ini sangat mementingkan pembangunan kemahiran insaniah yang selari dengan tuntutan graduan bidang kejuruteraan.

Misi UiTM digagaskan, bukan hanya melihat kepada kejayaan graduan dalam bidang akademik semata-mata, malahan kecemerlangan dalam pembangunan insaniah turut juga dititik-beratkan.

Para pelajar dididik dan didedahkan dengan nilai-nilai murni serta ciri-ciri kepimpinan, kreativiti, keushawanan dan kemahiran insaniah sinonim dengan etika profesion sebagai jurutera.

Saya yakin, fakulti sangat menyokong padu segala inisiatif yang dilaksanakan oleh pihak universiti untuk melahirkan cetus idea hubungan antarabangsa.

Usaha profesional sebagai jurutera melalui jalinan kerjasama dengan pihak industri dan universiti lain sama ada di dalam mahupun luar negara, diterjemahkan dalam bentuk perkongsian kepakaran yang secara langsungnya melibatkan badan-badan profesional.

Hubungan erat dua hala ini menjadi faktor pemangkin yang menyumbang kepada peningkatan indeks kebolehpasaran graduan UiTM.

Graduan Fakulti Kejuruteraan UiTM ternyata menjadi pilihan utama industri, apabila data peratusan graduannya yang mendapat pekerjaan sebelum bergraduasi, menunjukkan bilangan yang tinggi.

Strategi ini memperlihatkan bahawa Fakulti Kejuruteraan di UiTM, adalah sentiasa relevan dalam perkembangan teknologi terkini. Setiap pengkhususan dari Fakulti Kejuruteraan meletakkan misi dan agenda utamanya memperkasa graduannya.

Seperti yang ditunjukkan oleh Fakulti Kejuruteraan Kimia, mengorak langkah dengan lebih drastik agar menjadi peneraju dalam sektor kejuruteraan kimia, minyak dan gas.

Justeru, fakulti menggalas tanggungjawab melahirkan graduan yang bersifat global dan dapat menembusi sektor minyak dan gas di peringkat antarabangsa dan seterusnya menjadi ***captain of industry*** di dalam dan luar negara.

Begitu juga dengan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal yang menjadi penyumbang kepada ekonomi negara dalam pelbagai medium Kejuruteraan Mekanikal sama ada automotif, minyak dan gas, industri pembuatan, pembangunan bangunan (M&E) dan industri perkapalan.

Dengan *tagline* 'The Best Ever Life, FKE The Best', Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE) sangat disiplin berpegang kepada objektif untuk melahirkan graduan tenaga

profesional Melayu dan jurutera elektrik elektronik yang terbaik di Malaysia.

Bersama tenaga kerja fakultinya, FKE mengatur strategi memantapkan lagi kualiti akademik dan seluruh sistem fakultinya. Ini selaras dengan objektif kualiti fakulti untuk melahirkan graduan yang produktif, berketerampilan dan berdaya saing agar menjadi pilihan utama industri.

Kejayaan demi kejayaan turut diraih oleh Fakulti Kejuruteraan Awam. Pencapaian dan kejayaan yang membanggakan bukan sahaja mewarnai kejayaan di peringkat negara sahaja, malah di peringkat antarabangsa.

Segala usaha yang berterusan telah dilakukan agar pencapaian fakulti ini akan terus menjadi kebanggaan UiTM dan negara.

Kepekaan terhadap arus perubahan global dunia ilmu merupakan satu pendekatan yang diambil oleh Fakulti ini, agar sistem kurikulum pendidikan yang dilaksanakan sentiasa relevan dan berkesan dalam menyediakan bakal jurutera yang bertaraf antarabangsa.

Para graduan yang dikasihi sekalian,

Seperti yang kita sedia maklum, UiTM telah dinobatkan sebagai “entrepreneurial university of the year” oleh kementerian pendidikan Malaysia.

Sumbangan kreativiti dan komitmen yang tidak berbelah bahagi untuk membentuk sikap dan cara pemikiran sebagai seorang usahawan dalam kalangan pelajar merupakan salah satu usaha yang dipacu oleh UiTM.

Hasil usaha ini mendukung hasrat setiap daripada pengkhususan Fakulti Kejuruteraan di UiTM agar melebar luas peluang dan ruang kepada para graduan untuk menceburkan diri dalam bidang keusahawanan.

Selepas empat tahun berusaha, mahasiswa dan mahasiswi kini telah bergelar graduan dan bermulalah perjalanan saudara-saudari ke alam baru iaitu alam pekerjaan.

Saya pasti nilai-nilai murni yang telah diterapkan sepanjang berada di UiTM, tentunya menjadikan saudara-saudari seorang jurutera, pegawai, pengurus serta pemimpin yang bertanggungjawab, dalam mempertahankan integrasi organisasi yang bakal ada ceburi nanti.

Walau apa jua sektor yang akan disertai, sentiasalah amalkan sikap integriti, kreatif, inovatif, dan jadilah pekerja berhemah serta jujur dalam melakukan tanggungjawab yang diamanahkan. Jadilah insan yang bertanggungjawab mengubah nasib anak bangsa, membangunkan negara dan mempunyai impak di mana sahaja anda berada.

Hadirin yang dihormati sekalian

Secara sedar atau tidak senario dan keadaan orang Melayu dan bumiputera kini semakin berubah di negara ini, Baik dari segi politik, ekonomi mahupun sosial. Sememangnya sukar untuk kita menerima sesuatu perubahan. Apa yang kita nikmati selama ini tidak pasti akan dapat dikecapi lagi oleh anak cucu kita nanti. Jesteru, UiTM terus berusaha untuk mempertahankan segala sistem yang selama ini memberikan kemakmuran orang melayu dan bumiputera di negara ini.

Ternyata pendidikan di UiTM menuntut tindak balas yang bersepadanan agar **survival melayu** dan bumiputera menjadi agenda utama.

Maka UiTM tetap dipertahankan sebagai benteng dan tunggak utama kepada kecermelangan dan kelangsungan bangsa yang kita cintai.

Namun yang mengusarkan saya di akhir-akhirnya banyak diperkatakan mengenai orang melayu yang bukan sahaja tidak melihat nur atau hala tuju masa depan dan survival melayu. Segelintir umat melayu kini juga semakin **terhakis roh perjuangan.**

Sesetengah dari kita tidak lagi mahu berkorban demi bangsa. Sudah kurang rasa dan jiwa untuk terus membantu sesama bangsa. Malah ada yang telah mengkhinati bangsanya sendiri dengan pelbagai tuduhan, fitnah dan adu domba. Di mana semangat ukhwah dan setia bangsa.

Lebih malang lagi wujud dalam kalangan melayu yang kurang mempunyai jati diri sehingga sanggup menjual maruah dan harga diri bangsanya sendiri. Segelintir orang melayu kini telah mempersoalkan hak-hak keistemewaan yang diterima selama ini dan kontrak sosial yang dimeteri demi kepentingan tertentu.

Lebih mendukacitakan lagi jika ada segelintir bangsa kita yang menggunakan agama untuk menidak dan menafikan hak dan perjuangan bangsa. Bagi saya mereka ini dipanggil sebagai **hyprocritically religious**. Menggunakan alasan dan berpura-pura atas nama agama. Sesetengahnya dengan niat dan agenda tertentu, sedangkan mereka sedar bahawa landasan perjuangan mereka juga sudah tergelincir dari prinsip dan pegangan agama.

Lebih menyedihkan sanggup menghalalkan cara demi sesuatu agenda. Sebenarnya bangsa kita akan terus maju jika kita jujur dan ikhlas dalam perjuangan.

Tuan-tuan dan puan-puan serta para graduan sekalian

Kepada para graduan sekalian saya ingin menyeru agar sentiasa sayangi dan mengutamakan dan mempertahankan kedaulatan dan survival bangsa kita. Kami di UiTM akan rasa amat terkilan andainya ada di antara graduan yang sudah melupakan bangsanya sendiri.

Lupa asal usul dan kenikmatan yang mereka peroleh sehingga berjaya di menara. Jangan jadi bangsa yang mudah lupa atau buat-buat lupa terhadap segala pengorbanan yang diterima,

Bagi saya untuk menjadikan bangsa melayu bermaruah, maka insan bernama melayu perlulah menjauhi **4 D'..** iaitu **darjat, duit, dendam, dan dengki.**

Darjat dan maruah atau kedudukan Melayu akan terpelihara jika kita bersama-sama memastikan keluhuran dan kemurnian bangsanya sendiri. Maka dalam hal ini kita perlu ingat duit atau harta bukan sahaja membawa kebahagiaan, namun juga boleh memudaratkan. Jangan kerana harta dan pangkat kita lupa bahawa kita telah memusnahkan nama baik bangsa kita.

Begitu juga sifat dendam dan dengki sesama bangsa nampaknya kian menular dan menakutkan. Perpaduan dan solidariti bangsa melayu perlulah diutamakan dalam segala hal kehidupan.

Kerana dendam, kuasa, demi kerakusan kuasa sehingga ada segelintir dari kita sanggup mengeneipkan persoalan kelestarian dan nama baik bangsa.

Dalam era zon lepahan maklumat kini, anda juga dituntut untuk sentiasa peka dengan apa juga yang datang dan diterima dalam media sosial. Saya berpendapat bahawa orang melayu kita terkadang alpa dan mudah percaya dengan apa yang mereka terima , tanpa berfikir, menapis dan menyaring maklumat sebebela membuat sesuatu keputusan. **Jadilah warga yang celik media, celik minda, dan celik hati.**

Bangsa melayu akan terus terbilang jika budaya membaca menjadi agenda dalam kehidupan. Jangan hendaknya apabila anda telah melangkah dari gedung ilmu ini, tidak lagi menjadikan membaca sebagai amalan

dan budaya. Baca lah bahan bacaan ilmiah dan buku-buku motivasi untuk menyuburkan daya intelek kita.

Tun Mahathir mantan **Perdana Menteri Malaysia**, pernah berkata bahawa bangsa yang kurang membaca akan ketinggalan dan lama-lama kelamaan mudah diperdaya.

Tekadang kala segelintir dari pada bangsa kita yang mengenenepikan persoalan kualiti dan kecemerlangan. Masih lagi kedengaran dalam kalangan kita yang mengutamakan kronisme dan nepotisme dalam bidang perkerjaan dan perniagaan. Sikap sebegini menyebabkan wujudnya ***survival of incompetant***. Mereka yang betul-betul baik, cekap dan berkualiti tidak diberikan tempat dan jawatan yang setimpal.

Maka jika ini berterusan, kualiti dalam pengurusan dan perniagaan terdiri daripada mereka yang kurang berupaya dan menyebabkan kurang bersaing dalam pasaran.

Hadirin sekalian

Berhubung dengan dunia pekerjaan saya juga ingin mengatakan di sini bahawa hasil kajian kebolehpasaran graduan dalam tempuh 9 tahun kebelakangan menunjukkan bahawa **77% graduan UiTM telah bekerja di sektor swasta tempatan, antara bangsa dan sebagai usahawanan. Manakala 23% bekerja dengan kerajaan dan syarikat berkaitan dengan kerajaan.**

Ini menunjukkan bahawa graduan uitm mempunyai kualiti malah di terima oleh syarikat antarabangsa dan milik kaum cina di malaysia.

Bagi saya graduan UiTM telah mengharumkan nama baik dan maruah bangsa melayu yang mampu bersaing dan malah lebih baik daripada bangsa-bangsa lain. Ini lah kecemerlangan UiTM.

Namun bagi saya kita akan lebih bermaruah dan disegani jika kita mula berdikari, bermandiri dan mengharungi kehidupan dalam dunia perniagaan melalui keusahawanan. Maka saya fikir kita perlu bertanya sampai bila kita harus meminta-minta dan memerlukan subsidi dalam kehidupan kita.

Saudara-saudari perlu melangkah lebih jauh dengan mencorak destini cemerlang di persada perniagaan dan kerja. Percayalah jika kiata berusaha insyallah kita akan berjaya.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dikasihi,

Pada hari bersejarah ini, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada ibu-bapa serta kaum keluarga yang turut sama berkongsi suka-duka perjalanan, dan saat ini bersama merasai kejayaan anak-anak kita ini.

Justeru, saya menyeru agar para graduan janganlah lupa akan jasa baik dan pengorbanan mereka yang telah membantu kejayaan saudara-saudari pada hari ini.

Kepada para pensyarah, teruskan dan tingkatkan usaha dalam mendidik anak bangsa ini.

Insyallah, dengan usaha yang jitu, perjuangan kita untuk mengubah destini anak bangsa akan berhasil.

Akhir kata, saya berdoa agar saudara-saudari akan berjaya dan menjadi insan yang berguna kepada agama, bangsa dan negara.

Dengarkanlah lagu Destini Anak Bangsa ini sebagai Lambang Maruah Diri.,

Sekian. Wabillahi taufiq walhidaayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakaatuh.

UCAPAN

TEKS UCAPAN

**YBHG TAN SRI DATO' SRI PROF. IR DR
SAHOL HAMID ABU BAKAR**

NAIB CANSOLOR, UiTM

NAIB CANSOLOR, UiTM

SIDANG KEEMPAT BELAS (PAGI)

DI ISTIADAT KONVOKESYEN UiTM KE – 81

1 DISEMBER 2014 (ISNIN)

SIDANG KEEMPAT BELAS

(PAGI)

Prof Dr Hjh Azni Zain Ahmad

Timbalan Naib Canselor

(Akademik & Antarabangsa)

Prof Ir Dr Haji Abdul Rahman Omar

Timbalan Naib Canselor

(Penerbitan & Inovasi)

UCAPAN

**YBHG TAN SRI DATO' SRI PROF. IR DR
SAHOL HAMID ABU BAKAR**

NAIB CANSELOR, UiTM

**DI ISTIADAT KONVOKESYEN UiTM KE – 81
SIDANG KEEMPAT BELAS (PAGI)**

.....

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum, salam sejahtera & UiTM Sentiasa Di Hatiku.

Terima kasih saudara Pengacara Majlis

- Prof Dr Hajah Azni Zain Ahmed
Timbalan Naib Canselor
(Akademik & Antarabangsa)
- Prof Ir Dr Haji Abdul Rahman Omar
Timbalan Naib Canselor
(Peyelidikan & Inovasi)

- Puan Azida Azmi
Pendaftar
- Encik Sanip Wahid
Bendahari
- Prof Dr Zaliha Haji Hussin
Dekan Fakulti
Sains Pentadbiran & Pengajian Polisi
- Kakitangan Akademik dan Pentadbiran
- Para ibu bapa dan graduan yang dihormati sekalian

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah SWT kerana diberi peluang bersama-sama berkumpul di dewan indah ini, bagi menyempurnakan Sidang Ke-14 dalam Istiadat Konvokesyen UiTM ke-81.

Istiadat Konvokesyen pada kali ini secara keseluruhannya akan **melibatkan penganugerahan Ijazah serta Diploma kepada seramai 1,012 orang graduan dari Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi.**

Hadirin sekalian yang dimulihkan,

Hari ini merupakan hari yang sangat bermakna bukan sahaja kepada para graduan, malah kepada kita semua.

Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah khususnya kepada para graduan. Detik bersejarah ini merupakan langkah permulaan dalam meniti perjalanan hidup yang semakin terbentang luas dengan di luar sana.

Kepada ibu bapa, saya percaya kejayaan anak-anak kita ini merupakan saat-saat yang kita telah tunggu sekian lama.

Hadirin warga dewan sekalian,

Sejak diasaskan seawal tahun 1956, iaitu kira-kira 58 tahun lampau, UiTM memegang amanah sebagai satu-satunya universiti yang mengangkat martabat bangsa demi kelangsungan pendidikan anak bangsanya.

UiTM sentiasa beriltizam untuk mempertingkatkan pencapaian anak-anak bangsa khususnya dalam bidang-bidang profesional. Ternyata, apa yang telah UiTM

laksanakan setakat ini melebihi daripada apa yang dijangkakan sebelum ini.

Saya sedar bahawa kita memikul tanggungjawab yang besar dalam memberi kehidupan yang terbaik kepada anak-anak kita. Untuk tujuan tersebut, pelbagai kemudahan di universiti ini sentiasa ditambah serta diperbaiki bagi menampung bilangan mahasiswa-mahasiswi yang sentiasa meningkat.

Pembangunan akademik sentiasa menjadi keutamaan UiTM. Sebagai sebuah universiti yang menjadi sandaran bangsa, graduan UiTM sebenarnya perlu diasuh dan dilatih untuk menjadi cekap, berhemah, berwawasan,

kreatif, profesional, dan cekal dalam membangunkan industri pekerjaan.

Selain itu, pembangunan insaniah juga dititikberatkan demi pembangunan sahsiah graduan yang akan dapat menjulang nama bangsa kita di arena tempatan dan antarabangsa.

Tuan-dan puan-puan yang dihormati sekalian,

UiTM melihat jauh ke hadapan. Segala yang diperjuangkan oleh UiTM telah membuktikan bahawa orang Melayu dan kaum bumiputera juga boleh berjaya dan setanding dengan kaum dan bangsa lain. Perjuangan anak bangsa inilah yang membolehkan Malaysia membina

satu tamadun yang disegani di dunia, mengikut acuan jati diri bangsanya sendiri.

Inilah kualiti yang ditunjukkan oleh lulusan Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi yang kita raikan pada sidang pagi ini.

Hadirin yang dikasihi,

Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi merupakan antara fakulti terawal yang diwujudkan di universiti ini – iaitu seawal tahun 1967. Fakulti ini meliputi bidang-bidang yang berkaitan dengan kenegaraan serta mendalami aspek-aspek fal-safah, perjalanan serta

kesejahteraan rakyat dalam konteks keupayaan pentadbiran dan pengurusan.

Para alumni fakulti ini, telah menyumbang tenaga dan pemikiran dalam pelbagai sektor sama ada awam mahupun swasta. Malah, pada hari ini mereka menguasai pelbagai kedudukan di sektor yang kritikal untuk pembinaan negara dan bangsa.

Seperti peribahasa Melayu, “Diam-diam ubi, kian menunduk, kian berisi”, mereka menggalas tanggungjawab besar tanpa perlu menjadi, “umpama ayam yang berkokok memanjang seluruh kampung walhal bertelur cuma sebiji”.

Graduan fakulti ini, bukan sahaja dibekalkan dengan maklumat dan ilmu yang berguna dalam bidang-bidang Sains Politik, Pentadbiran dan Pengurusan am, malah kemahiran serta keterampilan mereka melebihi had kemahiran sosial yang tipikal.

Mereka inilah juga yang akan memainkan peranan masing-masing secara tersendiri melalui penglibatan mereka dalam bidang-bidang pentadbiran umum negara, diplomatik, perundangan, serta pelbagai sektor lain yang kritikal dalam pembinaan sebuah negara bangsa.

Para graduan yang dikasihi,

Saya amat berharap semoga, selepas ini, para graduan akan terus bertekad untuk berusaha keras, tanpa jemu, malah, berwawasan untuk menjadi individu yang mengenang budi, berterima kasih, dan sentiasa menyimpan niat untuk membalas budi mereka yang pernah berjasa kepada saudara-saudari semua.

Ibu bapa merupakan insan pertama yang memerlukan budi saudara-saudari. Hargai peranan serta pengorbanan ibu bapa yang tidak pernah berkira dalam hal-hal yang menyentuh kesejahteraan anak-anak mereka.

*Justeru, saya minta para graduan sekalian berdiri bersama saya, **untuk memberi tepukan gemuruh sebagai penghormatan kepada ibu bapa, penjaga dan juga para pensyarah, yang telah mencurahkan bakti dan berkorban segalanya dengan penuh kasih sayang, sehingga membawa kepada kejayaan anda hari ini.***

[Para graduan berdiri dan memberi tepukan gemuruh bersama-sama Naib Canselor. Para graduan duduk semula di tempat masing-masing.]

Kepada ibu bapa, para penjaga dan para pensyarah sekalian, setinggi-tinggi tahniah serta syabas saya ucapkan, kerana telah terbukti bahawa usaha tuan-tuan dan puan-puan selama ini, tidak sia-sia, sama sekali.

Para graduan yang dikasihi,

Saya juga memohon para graduan untuk mengenang sejenak betapa segala apa yang saudara-saudari kecapi pada hari ini, sebenarnya merupakan perancangan rapi serta wawasan kerajaan negara kita yang sentiasa memikirkan mengenai kepentingan kita semua.

Oleh yang demikian, kembalikanlah ihsan tersebut dengan cara yang terpuji, berbudi dan selayaknya. Tidak banyak yang perlu graduan semua korbankan selain daripada wawasan, kerja keras serta menunaikan tanggungjawab sebagai rakyat yang sentiasa berterima kasih dan bersyukur kepada kerajaan yang prihatin.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

Sekali lagi, saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah atas kejayaan anda semua. Saya berdoa semoga anda akan terus maju jaya dalam segala lapangan yang anda ceburi dan usahakan. Biar di mana sekalipun anda berada, berikanlah tempat yang istimewa kepada UiTM di sudut hati anda.

Dan sekarang, perdengarkan dan hayatilah lagu “Destini Anak Bangsa” – karya terbaru universiti tercinta ini.

UiTM sentiasa di hatiku.

Sekian.

Wabillahitaufik wal-hidayah. Wassalamualaikum
warahmatullahiwabaraka-tuh

UCAPAN
YBHG TAN TEKS UCAPAN PROF. IR DR
YBHG TAN SRI DATO' SRI PROF. IR DR
SAHOL HAMID ABU BAKAR

NAIB CANSELOR, UiTM
DI ISTIADAT NAIB CANSELOR, UiTM KE – 81
SIDANG KELIMA BELAS (PETANG)
DI ISTIADAT KONVOKESYEN UiTM KE – 81
1 DISEMBER 2014 (ISNIN)

SIDANG KELIMA BELAS
(PETANG)

UCAPAN
YBHG TAN SRI DATO' SRI PROF. IR DR
SAHOL HAMID ABU BAKAR

NAIB CANSOLOR, UiTM

DI ISTIADAT KONVOKESYEN UiTM KE – 81
SIDANG KELIMA BELAS (PETANG)

.....

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum, salam sejahtera & UiTM Sentiasa Di
Hatiku.

Terima kasih saudara Pengacara Majlis

- Prof Dr Hajah Azni Zain Ahmed
Timbalan Naib Canselor
(Akademik & Antarabangsa)

- Prof Ir Dr Haji Abdul Rahman Omar
Timbalan Naib Canselor
(Peyelidikan & Inovasi)
- Puan Azida Azmi
Pendaftar
- Encik Sanip Wahid
Bendahari
- Dekan-Dekan Fakulti
- Kakitangan Akademik dan Pentadbiran
- Para ibu bapa dan graduan yang dihormati sekalian

Alhamdulillah, dengan izin dan rahmat Allah SWT, kita dipertemukan semula di dewan yang indah ini, untuk menyaksikan satu lagi acara bersejarah, khususnya, bagi para graduan yang bergraduat pada Sidang 15, petang ini, yang kesemuanya berjumlah 955 orang.

Justeru itu, saya dengan bangganya merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada para graduan, **dari Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka seramai 619 orang, dari Fakulti Filem, Teater dan Animasi seramai 288 orang dan dari Fakulti Muzik seramai 48 orang.**

Saya mengambil peluang ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada para graduan sekalian.

Saya yakin bahawa kejayaan yang dicapai oleh para graduan adalah juga merupakan sumbangan serta pengorbanan yang dicurahkan oleh ibubapa serta para pensyarah pada setiap masa. Sebagai tanda

penghargaan, penghormatan serta sikap mengenang budi kita kepada ibubapa serta para pensyarah.

Hadirian yang dihormati sekalian,

Nilai-nilai sejagat adalah rahmat ilahi kepada kita, aset kreativiti yang di-ilham-kan kepada seseorang untuk memenuhi keperluan jasmani kehidupan. Dengan pelbagai idea baru - ciptaan yang direka, dapat dimanfaatkan kepada masyarakat pengguna.

Di sinilah peranan yang dimainkan oleh **Fakulti Seni Lukis Dan Seni Reka, Fakulti Filem, Teater Dan Animasi, Juga Fakulti Muzik. Dalam mencipta kebolehsaingannya - telah memantapkan kurikulum, selari dengan keperluan industri.**

Sebagai graduan dalam bidang seni anda mempunyai peranan tersendiri dalam pembangunan negara. Baik

dalam bidang Seni Lukis Dan Seni Reka, Seni Muzik mahupun Filem Teater Dan Animasi, merupakan penggiat seni yang unik, yang mampu menampilkan idea dan inovasi kepada negara.

Sudah tentu setiap gerak kerja dan tugas saudara-saudari di luar sana, sebenarnya melambangkan kecemerlangan dan kemegahan UiTM.

Ingatlah bahawa anda **mewakili bangsa Melayu dan bumiputera yang mempunyai roh dan seni** bagi mempertahankan institusi, negara dan bangsa serta agama.

Hadirin sekalian,

Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka Universiti Teknologi MARA, telah melalui anjakan yang begitu progresif dan

inovatif dalam bidang ini, bagi menentukan graduan yang dihasilkan berdaya saing.

Di peringkat permulaan Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka sememangnya menekankan Seni Lukis sebagai hasil curahan cita rasa dari perspektif pereka dan pelukis itu sendiri.

Kini, Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka memainkan peranan penting dalam masyarakat kita, terutama peranannya untuk memastikan graduan lulusan UiTM berupaya mengikut perkembangan pesat yang semakin mencabar, dalam dunia komersil bidang kreatif, merangkumi aspek-aspek sosial, ekonomi, sains dan budaya.

Begitu juga dengan Fakulti Filem, Teater dan Animasi, yang menggarab seni dan daya kreativiti para pelajarnya. Industri media khususnya bidang perfileman, teater,

animasi, penulisan kreatif dan pengurusan seni adalah bidang yang sangat berpengaruh dalam menjana ekonomi negara.

Fakulti Filem, Teater dan Animasi telah berjaya melahirkan ribuan graduan yang telah memasuki pasaran dan ramai juga telah melakar nama dalam bidang hiburan sama ada dalam negara mahupun di peringkat antarabangsa.

Manakala, Fakulti Muzik di Universiti Teknologi MARA telah berkembang pesat dengan penawaran kursus Ijazah Sarjana Muda Seni Muzik Komposisi (Kepujian) dan Ijazah Sarjana Muda Seni Muzik Persembahan (Kepujian), semenjak penubuhannya pada tahun 1984.

Selain program Ijazah Sarjana Muda dan Diploma, Fakulti Muzik telah menambah program pasca ijazahnya dengan menawarkan Ijazah Sarjana Seni Muzik (secara

penyelidikan) dan Ijazah Kedoktoran Muzik (secara penyelidikan).

Fakulti Muzik telah menjalinkan kerjasama dengan institusi atau organisasi luar sebagai platform untuk memberi ruang dan peluang kepada para pelajar untuk mengadunkan aspek teori dan amali dalam hasil karya dan seni mereka.

Hadirin dan para graduan sekalian,

Saya sedar bahawa kita memikul tanggungjawab yang besar dalam memberi kehidupan yang terbaik kepada anak-anak kita. Saya berdoa agar warga UiTM, khususnya barisan tenaga pengajar akademik, akan terus berusaha meningkatkan prestasi dan kualiti pelajar demi memperkasa UiTM sebagai sebuah universiti yang tersohor.

Dikesempatan ini, saya ingin berpesan kepada para graduan, agar lebih pro-aktif, berusaha dan bersedia mengubah sikap dan minda, untuk membuktikan bahawa bangsa pribumi boleh mencapai kejayaan yang lebih cemerlang dalam kerjaya masing-masing. Kebolehpasaran para graduan akan menyokong iltizam pihak kerajaan untuk mengubah Malaysia menjadi negara berpendapatan tinggi selaras dengan Pelan Transformasi Ekonomi negara.

Kepada para graduan, manfaatkan segala ilmu yang dipelajari untuk kerjaya dan kehidupan yang cemerlang bagi mengubah nasib diri, keluarga, masyarakat dan negara, seperti kata pepatah “ **Segenggam Digunungan, Setitik Dilautkan**”

Sekiranya ditakdirkan Allah kelak, saudara-saudari menjadi orang yang berjaya dalam kerjaya, ingatkan bahawa UiTM inilah tempatnya saudara-saudari pernah berada dan menuntut ilmu pengetahuan.

Para graduan yang dikasihi,

Sesungguhnya, hari ini para graduan sekalian, telah berjaya sampai ke penghujung kembara yang penuh cabaran dan onak ranjau, setelah bertahun bergelar mahasiswa dan mahasiswi UiTM yang tercinta ini.

Malahan, dengan terenggamnya segulung ijazah sarjana pada hari ini, tanpa disedari, para graduan telah menghadihkan satu cendera kenangan yang tidak ternilai kepada ibu bapa, para pensyarah, bahkan juga kepada guru-guru yang mendidik anak-anak semasa di bangku sekolah dahulu.

Saya percaya, sekiranya para graduan sekalian bijak mengatur langkah seterusnya, dalam meniti kehidupan di luar ruang lingkup gedung ilmu ini, maka terjamin dan bahagialah kehidupan para graduan sekalian di hari mendatang, **insya-Allah.**

Justeru, **saya minta para graduan sekalian berdiri bersama saya, untuk memberi tepukan gemuruh sebagai penghormatan kepada ibu bapa, penjaga dan juga para pensyarah, yang telah mencurahkan bakti dan berkorban segalanya dengan penuh kasih sayang, sehingga membawa kepada kejayaan anda hari ini.**

[Para graduan berdiri dan memberi tepukan gemuruh bersama-sama Naib Canselor. Para graduan duduk semula di tempat masing-masing.]

Kepada ibu bapa, para penjaga dan para pensyarah sekalian, setinggi-tinggi tahniah serta syabas saya

ucapkan, kerana telah terbukti bahawa usaha tuan-tuan dan puan-puan selama ini, tidak sia-sia, sama sekali.

Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan tahniah dan syabas kepada para graduan Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka, Fakulti Filem, Teater dan Animasi serta Fakulti Muzik atas kejayaan yang saudara-saudari kecapai pada hari ini. Saya berdoa semoga saudara-saudari semua akan terus cemerlang dan berjaya dalam segala lapangan yang diceburi.

Dan sekarang, perdengarkan dan hayatilah lagu “Destini Anak Bangsa” – karya terbaru universiti tercinta ini.

Sekian, wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

UCAPAN

YBHG TAN SRI NURAIZAH ABDUL HAMID

PRO-CANSELOR UiTM

DI ISTIADAT KONVOKESYEN UiTM KE - 81

TEKS UCAPAN

SIDANG KEENAM BELAS (PAGU)

YBHG TAN SRI NURAIZAH ABDUL HAMID

PRO-CANSELOR UiTM

DI ISTIADAT KONVOKESYEN UiTM KE – 81

2 DISEMBER 2013 (SELASA)

SIDANG KEENAM BELAS

UCAPAN

YBHG TAN SRI NURAIZAH ABDUL HAMID

PRO-CANSELOR UiTM

DI ISTIADAT KONVOKESYEN UiTM KE – 81

SIDANG KEENAM BELAS (PAGI)

.....
Bismillahirrahmanirrahim

Terima kasih saudara / saudari Pengacara Majlis

- Yang Berbahagia Tan Sri Naib Canselor
- Timbalan-Timbalan Naib Canselor
- Pegawai-Pegawai Utama Universiti
- Penolong-Penolong Naib Canselor
- Ketua-Ketua Bahagian
- Dekan-Dekan Fakulti
- Kakitangan Akademik dan Pentadbiran
- Para ibu bapa dan graduan yang dihormati sekalian

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, kita dapat bersama-sama meraikan Istiadat Konvokesyen Universiti Teknologi MARA ke-81 ini.

Pada hari yang bersejarah ini, saya mengambil peluang untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada 680 orang graduan Ijazah Sarjana Muda dan 430 orang graduan Diploma, masing-masing dari Fakulti Pengurusan Maklumat dan Fakulti Pengurusan Hotel dan Pelancongan kerana telah berjaya menamatkan pengajian setelah bersusah payah menghadapi pelbagai cabaran sebagai pelajar di UiTM.

Berkat doa dan usaha gigih yang tidak mengenal erti putus asa, pada hari ini saudara-saudari telah berjaya mengurniakan satu hadiah istimewa yang tidak ternilai kepada ibu bapa, para pensyarah dan negara.

Kejayaan yang dicapai hari ini memberi harapan kepada para graduan untuk, seterusnya, memacu kejayaan dalam bidang masing-masing seiring dengan negara-negara maju di dunia.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

UiTM memegang amanah yang amat besar sebagai sebuah universiti yang bertanggungjawab untuk melahirkan lebih ramai profesional bumiputera. Sejak diasaskan seawal tahun 1956, UiTM sedar bahawa

memandu dan mendorong perubahan di kalangan bumiputera, khususnya, memerlukan strategi yang cermat, bijak dan sabar.

Fakulti ini sedang berusaha gigih ke arah memajukan Seajar dengan matlamat dan aspirasi universiti untuk memartabatkan bangsa, Fakulti Pengurusan Maklumat dan Fakulti Pengurusan Hotel dan Pelancongan merangka program-program mereka ke arah penyediaan modal insan yang berkualiti dan berintegriti untuk mencapai objektif UiTM tersebut.

Fakulti Pengurusan Maklumat sentiasa berusaha untuk mempertingkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran bagi semua program yang ditawarkan. Memperkemas dan memperkasa kandungan kursus merupakan satu usaha

dalam negara tetapi juga di peringkat antarabangsa.

yang berterusan bagi memantapkan daya saing serta memenuhi keperluan pihak industri.

Fakulti ini sedang berusaha gigih ke arah memperoleh akreditasi antarabangsa dari *Chartered Institute of Library and Information Professionals (United Kingdom)*. Sebagai permulaan, dua program di peringkat sarjana, iaitu, Sarjana Sains Pengurusan Maklumat dan Sarjana Sains Perpustakaan, sedang diaudit untuk memperoleh tahap akreditasi yang diperlukan.

Akreditasi ini akan, secara langsung, memberi pengiktirafan antarabangsa kepada program tersebut dan, seterusnya, akan membuka peluang kepada para graduan sebagai professional maklumat yang diiktiraf bukan sahaja dalam negara tetapi juga di peringkat antarabangsa.

Program Dialog dengan Industri juga menjadi satu agenda penting bagi Fakulti Pengurusan Maklumat untuk mendapat maklum balas daripada pihak industri mengenai kurikulum, program dan penempatan latihan industri para pelajar. Antaranya, melaksanakan projek perhubungan awam serta kerjasama di dalam dan di luar Fakulti ini turut menjalin Perjanjian Persefahaman dengan beberapa agensi kerajaan dan swasta sebagai usaha untuk berkongsi ilmu dan kepakaran untuk dimanfaatkan oleh kedua-dua pihak dalam bidang pengurusan maklumat.

Perjanjian Persefahaman antara fakulti dan Institut Jantung Negara, yang ditandatangani pada tahun ini, besar. Oleh itu, pihak Fakulti akan terus menjana program

merupakan satu pemangkin kepada usaha seumpamanya pada masa akan datang.

Pihak fakulti sentiasa mendekati masyarakat dengan sumbangan ke arah menyemarakkan semangat pembangunan ummah. Antaranya, mengadakan projek perhubungan awam serta kerjasama di dalam dan di luar negara dengan pelbagai agensi termasuk Perpustakaan Negara, perpustakaan awam, Arkib Negara dan sekolah-sekolah, serta penduduk setempat.

Hadirin sekalian,

Fakulti Pengurusan Hotel dan Pelancongan amat prihatin dalam melahirkan graduan yang berwibawa dan berjiwa besar. Oleh itu, pihak Fakulti akan terus menjana program

baru serta membuat penambahbaikan ke arah kecemerlangan graduan ke peringkat yang lebih tinggi.

Saya berharap agar graduan Fakulti Pengurusan Hotel dan Pelancongan, UiTM dapat memperkasakan ilmu, dengan peluang melanjutkan pelajaran ke peringkat sarjana dan falsafah kedoktoran dalam bidang hospitaliti.

Pengkhususan pembelajaran bidang juga dititikberatkan seperti Sarjana Pengurusan Pelancongan (Pemasaran) bagi pelajar sepenuh masa dan juga bagi yang bekerja, agar dapat memberikan ruang dan peluang kepada para pelajar untuk lebih mendalami bidang yang diminati.

Pihak Fakulti ini telah mempertingkatkan jaringan industri dan usaha sama dengan pihak luar, termasuk institusi

pengajian tinggi serta syarikat-syarikat korporat. Peluang ini memberi para pelajar pendedahan yang lebih luas dan pengalaman yang berorientasikan pembelajaran realistik.

Para graduan yang saya hormati,

Saya ingin mengingatkan bahawa era globalisasi kini amat mencabar. Sebagai seorang graduan, perjalanan hidup anda hanya bermula. Saya berharap semua graduan akan mampu menangkis ancaman-ancaman negatif yang boleh menjejaskan maruah diri, bangsa dan agama.

Jadilah graduan yang mampu menjadi kebanggaan ibu bapa, keluarga, para pensyarah, UiTM, bangsa dan negara. Jadilah graduan yang sentiasa bersyukur dan bertaqwa agar segala ilmu yang diperolehi akan

dimanfaatkan dengan baik dan penuh beretika demi membangunkan masyarakat, agama, bangsa dan negara.

Ingatlah para graduan sekalian, biar di mana sekalipun anda berada, berikanlah tempat yang istimewa kepada UiTM di sudut hati anda. Janganlah menjadi seperti 'kacang lupakan kulit'. Kini, 'dayong sudah ditangan, perahu sudah di air', terpulanglah kepada anda semua untuk mencorakkan masa depan yang lebih gemilang.

Akhir kata, saya serta seluruh warga UiTM mendoakan agar saudara-saudari semua berupaya melalui liku-liku kehidupan dengan ketabahan dan semangat yang tinggi di dunia luar yang luas terbentang dengan 1001 cabaran, suka dan duka.

Sekian. Wabillahitaufik wal hidayah wassalamualaikum
warahmatullahi wabarakatuh.

UCAPAN

YBHG TAN SRI NURAIZAH ABDUL HAMID

PRO-CANSELOR UiTM

DI ISTIADAT KONVOKESYEN UiTM KE – 81

TEKS UCAPAN

SIDANG KETUJUH BELAS (PETANG)

YBHG TAN SRI NURAIZAH ABDUL HAMID

Bismillah ar-Rahman ar-Rahim

PRO-CANSELOR UiTM

Tengga kasih saudara/saudari Pengacara Majlis

DI ISTIADAT KONVOKESYEN UiTM KE – 81

2 DISEMBER 2013 (SELASA)

• Pegawai-Pegawai Utama Universiti

• Penolong Penolong Naib Canselor

SIDANG KETUJUH BELAS

• Ketua-Ketua Bahagian

• Dekan-Dekan Fakulti

• Kakitangan Akademik dan Pentadbiran

• Para ibu bapa dan graduan yang menghadiri majlis

UCAPAN

YBHG TAN SRI NURAIZAH ABDUL HAMID

PRO-CANSELOR UiTM

DI ISTIADAT KONVOKESYEN UiTM KE – 81

SIDANG KETUJUH BELAS (PETANG)

.....
Bismillahirrahmanirrahim

Terima kasih saudara / saudari Pengacara Majlis

- Yang Berbahagia Tan Sri Naib Canselor
- Timbalan-Timbalan Naib Canselor
- Pegawai-Pegawai Utama Universiti
- Penolong-Penolong Naib Canselor
- Ketua-Ketua Bahagian
- Dekan-Dekan Fakulti
- Kakitangan Akademik dan Pentadbiran
- Para ibu bapa dan graduan yang dihormati sekalian

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, kita dapat bertemu dalam dewan yang indah ini, bagi meraikan Istiadat Konvokesyen Universiti Teknologi MARA, kali yang ke-81.

Konvokesyen sidang ke-17 ini menyaksikan penganugerahan kepada seramai 970 graduan lulusan dari empat buah fakulti: Fakulti Pendidikan seramai 192 graduan; Akademi Pengajian Bahasa seramai 131 orang graduan; Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi seramai 180 graduan; dan Fakulti Undang-Undang seramai 467 orang graduan.

Pada hari yang bersejarah ini, saya mengambil peluang untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada kesemua graduan yang berada di dewan ini,

kerana telah berjaya menamatkan pengajian setelah berhempas pulas menghadapi cabaran sebagai pelajar UiTM.

Syabas dan tahniah juga buat ibu bapa, para pensyarah dan guru-guru kerana usaha tuan-tuan dan puan-puan selama ini telah terbukti tidak sia-sia.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

Fakulti Pendidikan UiTM hari ini bergerak pantas dengan kehendak Pelan Pembangunan Pendidikan Negara yang berteraskan lima ciri aspirasi utama, iaitu, Akses, Kualiti, Ekuti, Perpaduan dan Kecekapan.

Dari segi pengajaran, kurikulum pendidikan telah diolah supaya lebih fleksibel dan dinamik berteraskan *learning outcome*, untuk memenuhi keperluan pelajar yang bukan hanya terbatas kepada profesion perguruan.

Fakulti Pendidikan pada hari ini, telah diberi mandat untuk menaik taraf Pusat Kecemerlangan *Asian Center for Research for University Learning and Teaching* bagi memastikan kesinambungan idea-idea baru dan inovasi dalam bidang pembelajaran dan pengajaran.

Pada sidang ke-17 ini juga, kita menyaksikan pengijazahan kumpulan graduan Ijazah Sarjana Muda Pengajian Bahasa Gunaan (Kepujian) dari Akademi Pengajian Bahasa.

Para graduan Bahasa Melayu Komunikasi Profesional, saudara-saudari membawa keterampilan dan ilmu berbahasa yang harus sesuai dengan keperluan dan latar penggunaan dalam banyak Bahasa. Bahasa menunjukkan bangsa dan bahasa juga jiwa bangsa.

Gunakan kelebihan ini untuk menebusi kerjaya profesional dan antarabangsa, malah, mewujudkan kerjaya keusahawanan. Walau bagaimanapun, anda perlu bersikap positif, mandiri, mencari dan mereka-cipta ruang dan peluang. Carilah pengalaman kerana pengalamanlah yang menjadikan nilai anda lebih tinggi.

Hadirin yang dikasihi,

Graduan Fakulti Undang-Undang yang kita raikan juga pada sidang ini, telah dilengkapkan dengan pengetahuan, kemahiran advokasi, keupayaan berkomunikasi secara efektif dan komitmen yang tinggi, sebagai persediaan rapi menceburi apa jua kerjaya dalam arena undang-undang.

Sebagaimana para graduan sedia maklum, profesion perundangan mempunyai pelbagai jenis cabang kerjaya. Sama ada menjadi seorang peguam, majistret, pendakwa raya atau penasihat undang-undang, saudara-saudari perlu mempunyai integriti yang tinggi.

Sesungguhnya, tanggungjawab memelihara integriti, menuntut saudara-saudari supaya istiqamah dalam memelihara imej profesion undang-undang. Dalam

konteks ini, penampilan diri, gaya komunikasi dan pemilihan bahasa yang sesuai, wajar dipraktikkan.

Laporan *Malaysian Graduates Unemployability Statistics 2013* menunjukkan bahawa tahap pengangguran di kalangan graduan undang-undang berada pada tahap amat minimum, hampir ke paras sifar. Adalah terbukti bahawa graduan undang-undang mempunyai kebolehpasaran yang tinggi dalam arena kerjaya.

Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi yang telah ditubuhkan pada 1995 adalah antara fakulti yang masih muda di UiTM jika dibandingkan dengan Fakulti lain.

Walaupun baru menganjak ke usia 19 tahun, Fakulti ini telah berjaya mengeluarkan para profesional dalam bidang sains sukan dan juga pengurusan sukan.

Pada hari ini, ramai graduan lulusan daripada Fakulti ini telah menjawat pelbagai jawatan sama ada di sektor kerajaan mahupun swasta.

Secara tidak langsung, ini mencerminkan bahawa graduan lulusan Sains Sukan dan Rekreasi tidak terhad berkhidmat di bidang sukan sahaja, malah boleh menceburi bidang lain seperti sektor pendidikan, kementerian atau jabatan kerajaan, di Majlis Sukan Negara, hospital-hospital, dan organisasi media.

Industri Kesihatan dan cara hidup sihat banyak menyediakan ruang kerjaya untuk graduan lulusan Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi pada hari ini.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

UiTM telah menjalankan pelbagai usaha bagi memantapkan lagi program-program yang ditawarkan. Antaranya, dengan melakukan penyemakan kurikulum dan, seterusnya, mendapatkan nasihat daripada pihak industri supaya graduan yang dikeluarkan oleh universiti ini dapat memenuhi kehendak pasaran kerja semasa.

Kepada para graduan, saudara-saudari merupakan modal insan yang profesional dan terlatih sebagaimana yang dititikberatkan oleh negara. Modal insan yang dikeluarkan

oleh setiap universiti adalah insan yang akan mencorak dan meneruskan legasi masa depan negara.

Justeru, saudara-saudari hendaklah sentiasa menampilkan perilaku yang dipandang tinggi dan mulia, yang boleh menjadi teladan dan pedoman kepada semua lapisan masyarakat. Sentiasalah menjadi seorang graduan yang membawa manfaat kepada agama, bangsa dan negara.

Berterima kasihlah dan hargai jasa insan-insan di sekeliling saudara-saudari. Bersyukur kepada Allah SWT. Berilah kembali kebaikan yang telah anda peroleh, baik dalam doa, kata-kata yang baik dan daripada hati yang tulus ikhlas. Semoga Allah SWT memudahkan laluan saudara-saudari dalam apa jua perkara yang dilakukan.

Percayalah bahawa, sehelai watakah pada hari ini merupakan satu permulaan yang baik.

Akhir kata, kami doakan agar para graduan akan terus mempamerkan tradisi usaha, taqwa dan mulia UiTM untuk terus cemerlang dan berjaya dalam kerjaya pilihan.

Limau purut masak di Linggi

Angkut dulu jangan rugi

Kalau hidup hendak terpuji

Menuntut ilmu jangan berhenti

Jika pilu tunduk sebentar

Tunduk sebak menahan sabar

Jika guru, tunjukkan dan ajar

Duduk tegak pertahanan yang benar

Sekian. Wabillahitaufik wal hidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.